



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KELIMA BELAS**

**PADA
7 JULAI 2025
BERSAMAAN
11 MUHARAM 1447H**

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

Dicetak oleh:



Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu
Tel: 09-666 8611 / 6652 / 8601
Faks: 09-666 0611 / 0063
Emel: marketing.dept0615@gmail.com

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KELIMA BELAS**

Pada

PADA 7 JULAI 2025

bersamaan

11 MUHARAM 1447H

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
ISNIN, 7 JULAI 2025		
1.	Nama Ahli-Ahli	1
2.	Doa	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan	5
4.	Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan	8
5.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	5.1 Soalan-soalan Bertulis	9
	5.2 Soalan-soalaan Lisan	10
6.	Usul Di Bawah Perkara 30	35
	Usul Yang Telah Diberi Notis	
	• Pembatalan Kumpulan Wang Amanah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu.	38
7.	Tungguhan	39
8.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	45

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN,
7 JULAI 2025

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, D.P.M.T., A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dato' Ariffin bin Deraman, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Hanafiah bin Mat, D.P.M.T., S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman, S.M.Z
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, K.M.N., P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Muhamed, S.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili, A.M.Z.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor, A.M.Z.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong, A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun, A.M.T.
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, S.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.T., A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli, A.M.T.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam, A.M.T.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.Z., A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat LSr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, A.M.T., P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhrudin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURAU

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG UNDANG NEGERI
Encik Mohd Nawawi bin Ismail

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham D.P.M.T., A.M.Z., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang A.M.Z., P.J.K.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Quran, Al-Fatihah.

Perkara pertama di dalam Tertib Perkerjaan Dewan pada pagi ini ialah doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah ucapan oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan sekalian. *Alhamdulillah*, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Taala* kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Persidangan Ketiga, Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kelima Belas. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan, pegawai dan tetamu jemputan yang hadir serta terus memberikan komitmen terhadap kelangsungan perjalanan institusi legislatif negeri ini. Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, kita kini berada dalam bulan Muharram 1447 Hijrah. Belum terlewat untuk saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Maal Hijrah kepada seluruh warga Dewan dan rakyat Negeri Terengganu. Bulan ini bukan sekadar permulaan kalendar Islam, tetapi merupakan lambang perubahan besar dalam sejarah ummah. Peristiwa hijrah Nabi Muhammad ﷺ bukan sekadar perpindahan tempat tetapi suatu transformasi nilai, semangat

dan hala tuju sebuah tamadun dan perubahan kedudukan politik dunia ketika itu.

Maka sewajarnya, semangat hijrah ini menjadi inspirasi dalam kita melaksanakan amanah sebagai wakil rakyat. Dengan tekad memperbaiki mutu perkhidmatan, menambahbaik dasar yang adil serta memelihara kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang. Hijrah mengajar kita bahawa perubahan yang sebenar bermula dengan keikhlasan dan keberanian memimpin ke hadapan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Mesyuarat hari ini walaupun hanya berlangsung dalam satu hari, namun ia sangat bermakna dan signifikan. Mesyuarat yang berlangsung hari ini, walaupun hanya sehari, tidak harus dilihat sebagai sidang yang remeh atau bersifat *prosedural* semata-mata. Sebaliknya, Sidang ini mengandungi sesi pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan, yang merupakan antara teras utama dalam sistem demokrasi berparlimen. Sesi ini membuka ruang kepada wakil rakyat untuk menyuarakan persoalan serta isu yang membelenggu rakyat di kawasan masing-masing.

Inilah antara bentuk amalan demokrasi berparlimen yang menjadi teras kepada peranan Institusi Legislatif. Ia membuktikan bahawa Dewan Undangan Negeri terus hidup, dinamik dan berfungsi sebagai jambatan antara rakyat dan kerajaan, memastikan segala pelaksanaan dasar dapat diperhalusi dan dipertanggungjawabkan dengan lebih telus dan berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, saya juga ingin mengambil sedikit ruang untuk memaklumkan kepada Dewan hari ini, bahawa pada tahun 2025 ini, Malaysia dan Parlimen Malaysia khususnya, memegang tanggungjawab besar selaku Pengerusi ASEAN dan Presiden AIPA ke-46.

AIPA iaitu Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN, merupakan platform yang menghimpunkan parlimen-parlimen negara ASEAN untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, sosial, undang-undang dan pembangunan mampan.

Sepanjang tahun ini, Malaysia telah berjaya menganjurkan beberapa siri mesyuarat penting AIPA. Antaranya termasuk:

- Mesyuarat Ke-4 Jawatankuasa Penyelarasan Ahli Parlimen Wanita AIPA (WAIPA) di Sarawak Tahun 2025.
- Mesyuarat Perundingan Kedua Ahli Parlimen Muda AIPA di Selangor (Mei 2025)
- Mesyuarat Majlis Penasihat AIPA Mengenai Dadah Berbahaya (AIPACODD) di Pahang (Jun 2025)

Kesemua mesyuarat ini merupakan platform membincangkan isu penting seperti peranan wanita, belia, keselamatan sosial dan dadah, serta penyelarasan dasar yang menyokong pembangunan inklusif dan ASEAN yang lestari. Sidang Kemuncak AIPA ke-46 pula dijadualkan berlangsung pada 16–22 September 2025 di Kuala Lumpur, sebagai kemuncak kepada semua sesi perundingan. Ini merupakan medan penting untuk Malaysia mengetengahkan kepimpinan parlimen dalam menjayakan Visi Komuniti ASEAN 2045. Dewan Undangan Negeri Terengganu merakamkan tahniah dan penghargaan kepada Parlimen Malaysia atas penganjuran yang tersusun dan penuh wibawa. Dewan pada hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap usaha yang cemerlang ini dan mendoakan agar Sidang Kemuncak AIPA ke-46 mencapai kejayaan gemilang serta memperkukuh kedudukan Institusi Legislatif Malaysia di persada rantau dan antarabangsa.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua Ahli Dewan agar terus melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab, hikmah dan semangat kebersamaan. Gunakan ruang yang ada ini untuk menyalurkan cadangan dan teguran secara berhemah dan berfakta demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Terengganu yang kita kasihi sekalian.

Di ruang yang ada ini juga saya mengajak agar kita semua membaca Al-Fatihah dan kita hadiahkan kepada seluruh yang pernah berkhidmat di Negeri ini yang telah menemui Tuhannya termasuk yang hari ini isteri kepada Al-Fadhil Tuan Pengarah IMITS yang telah menemui Tuhannya semoga diampunkan dosa mereka semua.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

Semoga setiap usaha kita hari ini mendapat keberkatan dan redha Allah
Subhanahu Wa Taala

Sekian, marilah kita sama-sama membaca Al-Fatihah dan kita hadiahkan kepada semua yang pernah berkhidmat untuk negeri ini dan termasuk keluarga kita. Al-Fatihah [*dibaca*].

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikutnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Yayasan Islam Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

(DUN Bil.15/2025)

2. Penyata Kewangan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

(DUN Bil.16/2025)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis
- (2) Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Wakil Jertih
2. Yang Berhormat Wakil Kemasik
3. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
4. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
5. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
6. Yang Berhormat Wakil Rakit
7. Yang Berhormat Wakil Langkap
8. Yang Berhormat Wakil Air Putih
9. Yang Berhormat Wakil Telemong
10. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
11. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
12. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
13. Yang Berhormat Wakil Sura

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini 7 Julai 2025:

1. Yang Berhormat Wakil Bandar
2. Yang Berhormat Wakil Jertih
3. Yang Berhormat Wakil Kemasik
4. Yang Berhormat Wakil Ladang
5. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
6. Yang Berhormat Wakil Manir
7. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
8. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
9. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
10. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
11. Yang Berhormat Wakil Langkap

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan seterusnya.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mulakan soalan saya dengan soalan pertama. Terima kasih.

Soalan 1

Setelah lebih setengah tahun 2025, berapakah pencapaian pendapatan NIT Dan berapakah lagi baki untuk mencapai sasaran tahun 2025?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan MMKN seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemerhati sekalian, terima kasih kepada YB Bandar bertanya soalan yang tertera.

Berdasar kepada anggaran hasil di bawah NIT (*New Income Terengganu*) tahun 2025, kutipan hasil sebenar sehingga 15 Jun 2025 dan baki untuk mencapai sasaran adalah sepertimana berikut:

BIL	INISIATIF	ANGGARAN HASIL 2025 (RM Juta)	HASIL SEBENAR BERAKHIR 15 JUN 2025 (RM Juta)	BAKI YANG PERLU DICAPAI (RM Juta)
1	Kajian Semula Cukai	107.00	42.43	64.57
2	Serahan GLC	5.70	0.00	5.7
3	Sumber Galian Mineral	77.6	6.6	71
4	Sumber Batuan	0.00	0.00	0
5	Sumber Air	56.30	13.26	43.04
6	Sumber Teknologi Hijau	0.00	0.00	0
7	Fi Pelancongan dan Rekreasi.	15.80	0.07	15.73
	JUMLAH	273.80	62.36	200.04
	PENCAPAIAN (Peratusan, %)	-	23%	-

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Yang Berhormat Kota Putera. Ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan, setelah jawatankuasa ini ditubuh, seingat saya dua tahun dan selain daripada apa yang telah diberitahu oleh pihak Kerajaan tadi senarai sumber kita, adakah potensi-potensi baru yang kita dapati boleh menjana pendapatan baru untuk negeri kita? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat EXCO.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih DUN Bandar. Dato' Yang di-Pertua, sepanjang dua tahun jawatankuasa ini berlangsung kita melihat dan mencari peluang-peluang yang ada cuma mutakhir ini selepas lawatan saya ke Sabah pada lebih kurang dua bulan yang lepas, kita mendapati satu peluang yang ada juga pada kita kerana di Negeri Sabah dan Sarawak sejak sekian lama meletakkan cukai kepada petroleum yang dinamakan cukai petroleum dalam Jawatankuasa NIT yang terkini saya telah bangkitkan perkara ini di bawah penelitian pihak Penasihat Undang-Undang untuk melihat jika sekiranya dengan keadaan yang sama adakah kita boleh mengambil juga cukai petroleum sepertimana yang telah dibuat di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bandar dan Yang Berhormat Kota Putera. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang dihormati Dato' Yang di-Pertua, Jertih soalan nombor 2-

Sejauh manakah perkembangan usaha menjadikan Besut dan Setiu sebagai gedung makanan negara ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor 2, Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wakil Jertih, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli MMKN, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan dan semua pemerhati yang dihormati sekalian.

Usaha untuk menjadikan Besut dan Setiu sebagai gedung pengeluaran makanan Negeri Terengganu, Kerajaan menilai bahawa usaha kita sekarang berada di atas landasan yang betul berdasarkan kepada indikator kejayaan projek-projek dan program-program keterjaminan makanan yang sedang dilaksanakan. Sebelum ini beberapa kali telah dibentangkan kepada Dewan senarai 18 projek bernilai hampir RM700 juta yang telah dilaksanakan di Daerah Setiu. Sekarang izinkan saya untuk bantangkan kepada Dewan, projek-projek yang sedang dilaksanakan yang terkini bagi tahun 2025.

Dato' Yang di-Pertua,

Projek utama yang kita sasarkan menjadi *Game Changer* bagi sektor pengeluaran padi di Daerah Besut ialah kejayaan kita mendapatkan peruntukan sebanyak RM103 juta bagi pelaksanaan Projek IADA KETARA Fasa 2 yang melibatkan pembinaan saluran pengairan saluran daripada Empangan Paya Peda, di Besut sehingga ke Sungai Renek yang sekarang ini berada di peringkat pengambilan tanah dan jangka masa pelaksanaan projek selama tiga tahun.

Antara skim pengairan padi luar jelapang yang akan mendapat manfaat ialah Skim Pengairan Kampung Tempinis, Kampung Gong Ubi Keling, Kampung Kepala Gajah, Kampung Bukit Jiruk, Kampung Padang Lengkuas, Kampung Gong Kelikong dan juga Gong Macang. Selepas pelaksanaan Pakej A ini, cadangan untuk meneruskan pelaksanaan Pakej B sehingga sampai ke Skim Pengairan Che Nawil, di Setiu dengan anggaran bajet RM137 juta yang akan dikemukakan kepada bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian Kementerian Pertanian.

Yang kedua Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sedang mengorak langkah untuk menyelesaikan isu supaya tanah sawah seluas kira-kira 735 hektar di Skim Pengairan Kampung Jelapang, Langkap yang dibuka dengan kos kira-kira RM47 juta pada tahun 2007 sebahagian besarnya akan terbiar tanpa ditanam dengan padi. Ini sebahagian daripada sawah padi terbiar sedang dimajukan secara berperingkat oleh sebuah syarikat pelabur tempatan, Qudsi Global dengan kerjasama anak syarikat Kerajaan Negeri, TADC. Jadi kehijauan kita nampak mula menghiasi projek yang sebelum ini muram dan suram walaupun puluhan juta telah dibelanjakan.

Yang ketiga Dato' Yang di-Pertua, Projek Reban Ayam Bara Masin di Besut yang merupakan aset milik Kerajaan Negeri bernilai jutaan ringgit. Infrastruktur reban tertutup ini telah terbiar sejak daripada tahun 2015 lagi dan menjadi mangsa vandalisme. Kos yang besar yang diperlukan untuk memulihkan projek ini menyebabkan ia terbiar agak lama. Terima kasih Kerajaan Negeri ucapkan kepada pihak Kementerian Pertanian yang menyalurkan sebanyak RM700 ribu di bawah dana kerjasama keterjaminan makanan Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri untuk kita naik taraf dan baik pulih reban ini dan *alhamdulillah* pada bulan Mei baru-baru ini penghuni pertama sebanyak 26 ribu ekor telah mula menghuni reban yang baru dibaik pulih dan bulan Jun baru ini telah mula dikutip hasilnya.

Dato' Yang di-Pertua, tahun 2025 juga diperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi menaik taraf infrastruktur Taman Kekal Pertanian, Taman Kekal Makanan di Tok Dor. RM430 ribu kita peruntukkan untuk TKPM Rhu Tapai, RM400 ribu kita peruntukkan untuk naik taraf skim pengairan padi Pengkalan Nangka dalam DUN Kuala Besut, RM400 ribu untuk naik taraf Skim Pengairan Seri Pinang dalam Kota Putera dan RM 200 ribu untuk skim pengairan di Tok Sabut juga di Kuala Besut. Bagi sektor perikanan pula untuk tahun 2025, Perairan Kuala Besut dan Perairan Merang di Setiu akan dilabuhkan bagi setiap lokasi, 18 unit tukun kuboid penghalang pukat tunda bagi setiap daerah. Daerah lain pun ada cuma fokus jawapan saya pagi ini untuk Besut dan Setiu.

Yang keenam dari segi projek pembenihan ikan marin di Setiu. Antara projek Kerajaan Negeri dalam sektor perikanan akuakultur marin ini yang memfokuskan kepada pengeluaran benih siakap, kerapu hibrid dan juga udang. Udag yang menjadi fokus di sini ialah udang putih dan udang harimau. Pusat pembenihan ini asalnya milik Jabatan Perikanan Malaysia, dipulihkan dan dimasukkan infrastruktur baharu, dilengkapi dengan sistem saliran air terus daripada laut dan dibina kolam-kolam ternakan yang menelan kos sekitar RM7 juta daripada Dana Laksana Kementerian Kewangan dan perancangan kita untuk mengoperasikan pusat Pusat *Hatchery* ini ke tahap optimum adalah

agenda lawatan delegasi kerajaan negeri ke China minggu lepas dan anak syarikat Kerajaan Negeri TADC sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat pelabur tempatan SNA Berkat yang mendapat sokongan teknikal daripada pengusaha yang berada di China.

Seterusnya Jeti Nelayan Beting Lintang di Besut sepanjang 90 ribu meter hampir siap dibina dengan kos RM500 ribu untuk menyediakan kemudahan berlabuh dan mendaratkan hasil tangkapan bagi nelayan pantai di Beting Lintang. Projek penanaman pisang berangan seluas 120 ekar yang mengandungi 65 ribu pokok sedang dibangunkan di Kampung Pak Kancil, di Setiu. Saya berterima kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Muda Terengganu yang mencemar duli melawat projek ini pada minggu lepas.

Seterusnya Projek Penanaman Kelapa di Gong Katup Setiu, 100 ekar usahasama TADC bersama dengan Syarikat Melati Odesi. Projek Penternakan Ayam di Gong Kiong juga di Setiu dibangunkan oleh Syarikat Ayam Toyyib juga kerjasama bersama dengan TADC. Projek Penanaman Kelapa Matag seluas 1,200 ekar oleh Syarikat Ladang Rakyat Terengganu dengan usahasama bersama dengan TADC di Kampung Banggul di Setiu. Ini senarai-senarai projek besar sebagai satu indikator bahawa kita sangat serius untuk menjadikan Daerah Besut dan Setiu sebagai gedung pengeluaran makanan Negeri Terengganu. Tidak disenaraikan lagi projek-projek yang berada di daerah-daerah lain cuma fokus kepada soalan Yang Berhormat Jertih untuk Besut dan Setiu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi, ada soalan tambahan? Ada soalan tambahan Kuala Besut? Saya tidak sebut Kuala Besut tadi. *Takdok?* Senyap. Seterusnya, sila Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan Kemasik nombor 2-

Apakah status pembangunan syarikat atau entiti Kerajaan Negeri yang akan menguruskan pembangunan Non Radioactive Rave Earth Elements (NREE) dan apakah status terkini syarikat tersebut serta perancangannya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Kemasik. Dato' Yang di-Pertua. Status berkenaan anak syarikat Kerajaan Negeri berkenaan *Non Radioaktif (NRREE)* ini, MBI Terengganu telah melantik dan memberi kuasa kepada anak syarikat milik penuhnya MBI Modal Sdn. Bhd. sebagai pihak pelaksana dan hak eksklusif dan konsesi bagi pembangunan, pengoperasian dan pengkomersialan mineral NRREE di Negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu pihak MBI Modal telah menerima dan menilai pelbagai permohonan daripada pemain industri yang berminat untuk terlibat dalam industri NRREE ini di Negeri Terengganu. Penilaian yang terperinci merangkumi aspek-aspek teknikal dan kewangan dijalankan bagi memilih pemain industri dan pelabur yang bertepatan, sekali gus memastikan kedaulatan hasil bumi Negeri Terengganu terpelihara, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Sila Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan, NRREE perlu dilihat sebagai PETRONAS kedua, satu aset strategik negeri dan negara yang perlu dimiliki dan dikawal oleh kerajaan bukan diserahkan kepada pihak swasta atau pun syarikat asing. Bagaimanakah pelaksanaan yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan aset yang sangat bernilai ini dapat dimanfaatkan seoptimum mungkin untuk negeri dan rakyat Terengganu, terima kasih Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan bagaimanakah pelaksanaan? Secara ringkasnya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini proses NRREE ini kita kemukakan dengan tiga proses, yang pertama hulu ataupun *upstream*, yang kedua adalah *midstream* dan yang ketiga hiliran ataupun *downstream*. Untuk *upstream* kita membuka kepada pakar-pakar dan pemain-pemain industri untuk mengambil bahagian. Selepas daripada hasil REE itu diperolehi, di situ di peringkat pertengahan akan dikawal selia sepenuhnya oleh MBI Modal. Untuk memastikan hasil-hasil yang keluar, yang diperolehi itu melalui saluran MBI yang akan melihat, terlibat secara langsung dalam pemprosesan ataupun *midstream* di mana REE ini dia akan ada berlakunya

'*cracking*' di situ dan MBIM sedang meneliti teknologi-teknologi yang ada di dalam dunia sekarang ini dan selepas daripada itu peringkat *downstream*-hiliran juga kita akan membuka kepada *industry player* yang akan terlibat sama di dalam industri ini. Walau bagaimanapun disebabkan beberapa cabaran dan kekangan termasuk lah kekurangan teknologi yang tersedia, di mana Negara China memonopoli 90% teknologi NRREE di dunia, dasar Kerajaan Persekutuan yang melarang eksport bahan REE serta melarang perlombongan di kawasan hutan simpan kekal (HSK) menyebabkan hanya sebahagian kecil permohonan yang berjaya melepasi saringan awal dan diteruskan permohonan mereka ke pihak PTG setakat ini. *Wallahu a'lam*, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera, Yang Berhormat Kemasik. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan kedua.

Soalan 2

Persidangan ADUN Belia Terengganu bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua ADUN Belia Terengganu Siri Ke-3 berjaya diadakan pada bulan Mei baru-baru ini. Bagaimanakah persidangan ini memberi impak kepada kepimpinan belia di negeri Terengganu dan apakah hasil daripada persidangan ADUN Belia sebelum ini

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan kedua, Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ladang yang telah mengemukakan soalan berkenaan dengan ADUN Belia Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Persidangan ADUN Belia Terengganu bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Siri Ke-3 yang berlangsung pada Mei 2025 telah memberi impak signifikan terhadap landskap kepimpinan ADUN Belia Negeri. Persidangan ini meneruskan momentum yang sangat positif daripada siri-siri terdahulu, sekali gus memperkukuh peranan belia dalam demokrasi dan tadbir urus negeri. Antara sorotan utama yang memberi kesan langsung kepada pembinaan kepimpinan belia termasuklah aspek pendedahan dan pengalaman berimpak tinggi. Persidangan ini menjadi platform penting dalam memantapkan kepimpinan muda menerusi perbahasan yang berfakta, hujah yang bernas dan pembentangan usul yang menyatukan suara belia dalam dunia demokratik.

Pembentukan generasi kompeten dan yakin diri turut menjadi teras persidangan kali ini. Para ADUN Belia diberi ruang untuk mengasah keyakinan diri, meningkatkan kemahiran komunikasi dan mempersiapkan diri sebagai pelapis kepimpinan masa depan. Bukan sahaja dalam gelanggang DUN ataupun Persidangan Dewan Undangan Negeri sahaja mereka juga turut diberikan pendedahan untuk melakukan kajian secara berfakta melalui kunjungan ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, menyertai di dalam koleksi Terengganu untuk meneliti ucapan-ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar waktu ini dan juga waktu-waktu sebelum daripada ini, meneliti bajet-bajet dan juga melihat pembangunan perancangan Negeri Terengganu secara keseluruhan. Kesimpulannya, platform ADUN Belia Terengganu tidak lagi bersifat simbolik semata-mata. Ia berperanan sebagai medan latihan kepimpinan, pengukuhan keyakinan diri dan penglibatan aktif belia dalam wacana pembangunan negeri. Setiap persidangan perlu terus menyumbang kepada dasar dan pelaksanaan sebenar sama ada melalui cadangan *ad-hoc* berasaskan komuniti setempat atau menerusi pelan jangka panjang seperti Akademi Al-Fateh dan juga PITAS 2030. Pembentukan karakter pemimpin muda yang membawa cadangan bernas, disokong data dan fakta, adalah asas kepada pewarisan kepimpinan negeri yang berwibawa dan bertanggungjawab. *Insya-Allah*, kita akan terus mengasah bakat-bakat ini untuk menjadi pengganti kepimpinan pada masa yang akan datang, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Seterusnya saya persila Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor satu.

Soalan 1

Apakah inisiatif baharu dan menyeluruh yang telah atau sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan modal insan Terengganu, khususnya bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam sektor ekonomi strategik?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Paka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Pengkalan Berangan sebagaimana yang tertera. Antara usaha kerajaan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam sektor strategik. Antaranya adalah melalui penempatan pekerjaan secara bersasar iaitu melibatkan industri pembuatan dan komunikasi dengan Kerjasama syarikat-syarikat seperti Sony (Selangor), Telekom Malaysia (Terengganu), *MyBrush* (Johor), Panasonic (Selangor), melibatkan 800 pekerja bermula tahun 2022 sehingga tahun 2024. Program Latihan Pensijilan Juruteknik Pesawat Bertauliah (CAAM Category A1). Program Latihan Persijilan Juruteknik Pesawat Bertauliah dengan kerjasama Yayasan Terengganu, Yayasan Pendidikan MAIDAM dan juga Batik *Air* selaku pihak industri. Setakat ini Yayasan Terengganu dan juga Yayasan Pendidikan MAIDAM telah menaja 15 orang calon bagi mengikuti program ini, dan seramai 8 orang telah berjaya dipilih oleh Batik *Air*. Mereka telah memulakan kursus pada 1 Mac 2025. Bagi kohort ke-2, seramai 18 orang menjalani sesi temuduga dan 10 orang telah berjaya mendapat tawaran daripada Batik *Air*.

Yang ketiga, program *Oil and Gas Wakallah Technical Programme* (OGWTP). THRDC dengan kerjasama INSTEP dan juga Yayasan Pendidikan MAIDAM (YPM) telah mengadakan program *Oil and Gas Wakallah Technical Programme* melibatkan 47 orang asnaf. Terdapat dua kemahiran teknikal yang disediakan. Mekanikal dan elektrik *instrument* dimana pelajar di kalangan asnaf dilengkapi dengan persijilan kemahiran teknikal serta persijilan yang diperlukan dalam industri *oil and gas* seperti proses AESP, OGSP dan juga BOFA untuk sediakan bekerja selepas lulus. Seramai 47 orang telah berjaya menamatkan latihan bergraduasi pada Mei 2025.

Kursus latihan *Certified Halal Internal Auditing Programme* (CHAP), THRDC dengan kerjasama HALAL *Development Corporation* dan juga UniSZA telah menganjurkan kursus CHAP ini bagi membangun bakat mahir dalam sektor HALAL di Negeri Terengganu. Sebanyak 5 kursus melibatkan 102 orang telah menyertai program ini. Melalui kursus ini, kerajaan berusaha mempersijilkan mahasiswa dan belia dengan Persijilan Profesional Auditor Dalam Halal yang mempersiapkan mereka sebagai bakat dalam industri halal di Terengganu. Ertinya Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) dengan ECRL.

Satu lagi sektor baru yang sedang diteroka adalah dari kereta api rel di mana berikutan pelancaran kereta api Pantai Timur dalam masa terdekat, terdapat permintaan tenaga kerja mahir dalam sektor ini. ECRL telah mengadakan Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) melibatkan program latihan di negara China di mana peluang pekerjaan dalam sektor ini telah disediakan dan penglibatan belia pelajar perlu ditingkatkan melalui program dan koordinasi yang lebih tersusun.

Secara umumnya, peranan dan peruntukan menjalankan latihan persijilan di bawah portfolio pendidikan institusi IPT, Kolej Kemahiran seperti TATI, TESDEC, KKYT, TTITC dan IPT lain dan THRDC menjalankan peranan membuat pepadanan kerja dengan pihak industri selepas tamat belajar. Ada setengah pihak industri yang memberikan latihan dan persijilan tambahan, jadi ini membantu menyelaraskan permintaan tenaga kerja di industri, keperluan latihan tambahan dan sumber perdagangan yang ada dalam mana-mana agensi yang menyediakan dana tersebut seperti Yayasan Terengganu dan juga Yayasan MAIDAM. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Silakan, Yang Berhormat. Soalan tambahan

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih atas penjelasan. Sedikit berkenaan dengan... Terima kasih dan tahniah kepada Yayasan Terengganu, Yayasan Pendidikan MAIDAM dan kerjasama Batik *Air* di atas program latihan persijilan juruteknik pesawat bertauliah. Jadi soalan tambahan saya ialah apakah perancangan dan selepas daripada ini untuk Program Persijilan Juruteknik Pesawat Bertauliah dan juga adakah ia perlu untuk dinaik taraf daripada juruteknik kepada *engineer*. Jadi mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Selepas daripada Batik *Air* ini kita sedang berkolaborasi dengan SIA. *Insyaa-Allah*

akan dapat kita sediakan untuk kohort-kohort seterusnya bagi melahirkan pelajar-pelajar kita yang berkemahiran. Pandangan Yang Berhormat Pengkalan Berangan itu *insya-Allah* kita ambil maklum. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka. Seterusnya saya persilakan, Yang Berhormat Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 1-

Soalan 1

Apakah status baik pulih 'Allah Selamatkan Terengganu' di Bukit Besar dan berapakah kos baik pulih tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Cukai

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalnya sebagaimana yang tertera.

Pihak JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi kerja-kerja perobohan dan telah selesai dibuat pada 30 Jun 2025 dengan kos sebanyak RM250,000.00. Untuk cadangan pembinaan semula mercu tanda ini, rekabentuk telah dikemukakan oleh pihak JKR dengan kos RM4.75 juta dan berdasarkan mesyuarat penyelarasan yang telah dibuat oleh pihak UPEN telah bersetuju dengan reka bentuk tersebut setelah mengambil kira kos penyelenggaraan serta teknologi semasa yang lebih kos efektif. Anggaran kos keseluruhan adalah RM5 juta termasuk kerja-kerja perobohan.

Untuk makluman Yang Berhormat Manir, mercu tanda 'ALLAH PELIHARAKAN TERENGGANU' telah dibina sekitar tahun 1991/1992 oleh JKR Negeri Terengganu sebagai agensi pelaksana dengan kos pembinaan pada waktu itu RM1.3 juta. Binaan struktur adalah jenis kerangka keluli dan terletak di atas Bukit Besar, Kuala Terengganu. Walau bagaimanapun, setelah mencapai jangka hayat melebihi 30 tahun, mercu tanda ini dikatakan tidak melalui proses

penyelenggaraan struktur berkala dan terdedah kepada faktor pengaratan kerana ruang udara lokasi terkesan faktor aliran udara air laut lepas. Struktur binaannya telah melebihi jangka hayat rekabentuk dan terhakis akibat kesan pengaratan yang ketara walaupun penyelenggaraan telah dibuat setiap tahun. Kerja-kerja naik taraf pencahayaan penyelenggaraan elektrik telah dilaksanakan dibawah seliaan oleh JKR Negeri (Cawangan Kejuruteraan Elektrik) dibawah peruntukan Negeri namun terpaksa dihentikan berikutan keadaan struktur platform yang tidak selamat untuk kerja-kerja berkala dan boleh membahayakan pasukan selenggara melaksanakan tugas. Jumlah peruntukan penyelenggaraan yang akan dibelanjakan daripada tahun 2018-2019 sebagaimana berikut: -

TEMPOH KONTRAK	KOS (RM)
2018-2019	128,010.00
2019-2020	144,200.00
2020-2021	151,400.00
2021-2022 (SAMBUNG SEHINGGA JUN 2022)	157,775.00
JUN 2022 - JUN 2023	157,170.00
JULAI 2023-JULAI 2024	99,890.00
JULAI 2024 - JULAI 2025	Anggaran kos RM100,000 (penyelenggaraan mercu tanda tidak dapat dibuat memandangkan struktur mercu tanda telah rosak dan perlu dibaiki terlebih dahulu)

Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu melalui surat bertarikh 28 Ogos 2024 telah mengemukakan dapatan hasil laporan forensik dan nasihat teknikal berdasarkan pemeriksaan dan penilaian visual, kerosakan yang ditemui adalah pengaratan sangat kritikal. Yang kedua, komponen struktur perambat (*bracing*),

sendi (*joint*), dan sambungan (*connection*) telah gagal secara setempat. Yang ketiga, tindak balas pengoksidaan keluli telah tidak dilindungi dalam jangka masa yang panjang, dan yang keempat, kegagalan lapisan yang telah melepasi jangka hayat reka bentuknya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat Manir? *Takdok?* Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Soalan pertama, Dato' Yang di-Pertua.

Soalan 1

Berapa peratuskah jumlah Non-Revenue (NRW) yang ditanggung oleh pihak SATU pada tahun 2004 dan berapakah pengurangan yang berjaya dibuat sehingga Jun 2025?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Seberang Takir. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan sebagaimana tertera. Kadar peratusan NRW pada tahun 2024 adalah sebanyak 40.22%. Manakala kadar peratusan NRW mengikut data terkini jabatan sehingga bulan April 2025 adalah sebanyak 41.32%. Terdapat peningkatan peratusan NRW bagi tahun 2025 dibandingkan dengan tahun 2024 iaitu sebanyak 1.12% sahaja. Namun begitu, perbandingan sebenar kadar peratusan NRW secara tahunan boleh dibuat setelah data NRW 2025 diperolehi sepenuhnya pada akhir tahun ini.

Kadar peratusan NRW tahun 2024 & kadar semasa peratusan NRW tahun 2025 sehingga April ini mengikut daerah:

BIL	DAERAH	KADAR NRW	
		TAHUN 2024	TAHUN 2025 (JAN - APR)
1	Kuala Terengganu & Kuala Nerus	46.45%	46.49%
2	Kemaman	35.30%	35.57%
3	Dungun	37.44%	38.10%
4	Besut	39.45%	39.76%
5	Hulu Terengganu	48.52%	47.76%
6	Marang	41.63%	42.17%
7	Setiu	46.27%	45.08%
8	Ketengah	11.77%	16.4%

Kerajaan Negeri melalui Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) amat komited dan telah mengambil pendekatan yang lebih holistik dalam mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW) dengan melaksanakan beberapa program dan kerja yang berkaitan. Gerak kerja dan usaha dalam mengurangkan kadar NRW ini telah diberi keutamaan di dalam penyusunan perancangan oleh pihak SATU. Antara program dan kerja yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan NRW adalah seperti berikut:

1. Penukaran dan pengaktifan *District Meter Zone* (DMZ) bagi pemantauan NRW.
2. Penambahbaikan sistem pelaporan dan pembaikan kebocoran paip menggunakan sistem di atas talian *Work Order Repair Management System* (WORMS) bagi kerja-kerja pembaikan paip.
3. Program penukaran meter berusia melebihi 10 tahun untuk mengurangkan kehilangan komersial.

4. Program pengurusan tekanan bagi mengurangkan jumlah kehilangan air disebabkan "*background leak*" dan mengurangkan kekerapan paip pecah disebabkan tekanan tinggi.
5. Penggantian "*attitude valve*" yang rosak di semua tangki untuk mengelakkan berlakunya limpahan.
6. Pengantian paip lama jenis *asbestos cement* (AC) yang kerap mengalami kebocoran.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan sikit sahaja. Saya tengok KETENGAH dengan Daerah Marang antara yang paling rendah, tapi saya diberi maklumat kalau Dungun tadi sampai perbandingan daerah-daerah. Tapi secara purata negeri ini. Berapa paling rendah yang kita pernah capai dan berbanding dengan negeri lain. Yang paling rendah yang boleh dicapai, berapa *percent*? Kemudian kita ini, bila boleh sampai ke peringkat paling *hok* rendah secara keseluruhannya berbanding negeri-negeri yang lain. Kalau ada data itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Setakat ini belum ada data itu. Tapi kita akan tengok hujung tahun ini. Hujung tahun ini kita boleh buat perbandingan bukan sahaja dengan daerah tapi dengan negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bagi notis ya, Yang Berhormat pada Cukai. Seterusnya, sila Yang Berhormat Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Soalan saya nombor tiga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor tiga, Yang Berhormat Jabi.

Soalan 3

Mohon dinyatakan kemunculan industri hiliran berasaskan pertanian yang telah berkembang di Negeri Terengganu, agar usaha pengembangan perusahaan hiliran ini dapat dilaksanakan secara seimbang dengan pengeluaran asas, seterusnya menarik lebih ramai rakyat Terengganu untuk menceburi bidang ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wakil Permaisuri. Jabatan-jabatan di bawah Pertanian samada Jabatan Pertanian, Perikanan, Veterinar, FAMA, Mardi, Lembaga Pertubuhan Peladang, LKIM, semuanya mempunyai usahawan-usahawan bimbingan masing-masing. Dan usahawan-usahawan bimbingan ini dibantu dari aspek teknikal, kewangan, pemasaran, dan bantuan-bantuan lain untuk menghasilkan industri hiliran dengan produk-produk yang boleh menjana sumber ekonomi kepada pengusaha. Di antara produk yang dihasilkan manisan kelapa ataupun nisang kerek. Kuih keria daripada ubi vitato, susu kambing berperisa, produk daging tempatan sejuk beku, *kepok* keping, *kepok* segera, maruku ikan, ikan dalam tin sardin, kerepek ubi, serunding, jus roselle, pes durian, jeruk, melon manis Terengganu dan banyak lagi. Dan saya melihat ada potensi yang sangat besar dalam konteks industri hiliran ini. Ambil contoh nisan kerek ataupun nisan kelapa. Ada tiga pengeluar utama yang ada di Terengganu. Yang pertama, syarikat Manis Sokmo Enterprise. Yang kedua, syarikat Nur Manis Enterprise dan yang ketiga syarikat Cik Manis Enni Enterprise. Semua manis manis belaka.

Ketiga-tiga syarikat ini dari segi nilai jualannya untuk tahun 2024 mencecah RM2.39 juta. Maknanya jual nisan pun boleh jadi jutawan. Untuk kuih keria daripada Ubi Vitato, pengeluar utamanya adalah syarikat KVG Juta Sdn. Bhd., dengan bahan mentah utama Ubi Vitato daripada Daerah Setiu. Nilai jualan bagi tahun 2024, RM1.016 juta. Jual kuih daripada Ubi Vitato, jadi jutawan.

Dari segi penternakan, di bawah Jabatan Veterinar, ada 80 peserta yang disenaraikan sebagai usahawan bimbingan dan pelbagai bantuan peralatan yang diberi antaranya *Chiller*, *Meat & Bone Saw*, *freezer*, mesin pengadun, oven dan beberapa peralatan lain. Untuk tahun 2024 nilai bantuan yang disalurkan berjumlah RM375 ribu lebih dan kalau tengok hasil jualan yang dikutip oleh 80 orang pengusaha daripada tahun 2021 sehingga 2025 mencecah RM5.399 juta.

Dato' Yang di-Pertua, ada syarikat milik anak jati Terengganu, orang muda lagi bersemangat tinggi *Teen Up Agro-Bussiness* yang telah membuka kilang pemprosesan Susu Kambing Berteknologi Tinggi yang pertama di pantai timur bertempat di Pusat Perkhidmatan Veterinar di Jenang, Marang yang menghasilkan produk dengan jenama KAPRIMA dia di antara produk susu berperisa asli, kurma, strawberi, coklat, jagung dan juga produk sampingan sabun daripada susu kambing. Untuk sektor perikanan, biasa rantaian pengeluaran dalam sektor perikanan bermula daripada pemantapan sama ada nelayan laut ataupun nelayan darat, dan juga sumber hasil daripada hasil akuakultur. Hasil ini diproses menjadi produk dalam industri hiliran antaranya

ikan sejuk beku, ikan masin, ikan kering, keropok, sama ada keropok keping, *kepok* lekor, muruku ikan dan jabatan-jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, MARDI, FAMA sentiasa memberikan nasihat dan bengkel ke arah *Good Manufacturing Practice* atau pun amalan pengilangan yang baik untuk kita menjamin produk kita ini menepati suatu standard yang kita bukan setakat boleh dipasarkan dalam negara dan juga menepati standard antarabangsa, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Seterusnya saya mempersila Yang Berhormat Langkap

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu.

Soalan 1

Apakah usaha jangka panjang dan pendek yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu pencerobohan gajah liar yang merosakkan tanaman penduduk, selain daripada kaedah sedia ada seperti menghalau, pemasangan pagar elektrik dan kaedah tangkap dan pindah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu gangguan gajah kepada Sektor Pertanian Negeri Terengganu dan bertepatan kerana Langkap adalah di antara DUN yang paling terkesan. Kalau kita tengok dari segi data jumlah aduan daripada tahun 2020 sehingga 2025 menunjukkan graf menaik. Tahun 2020 ada 54 aduan, tahun 2021 63 aduan turun sikit, tahun 2022 53 aduan, naik semula, tahun 2023 kepada 109 aduan dan 2024 naik kepada 114 aduan dan kawasan Setiu terutamanya DUN Langkap di antara yang mencatat rekod aduan tinggi, 94. Dan tadi sebelum masuk Dewan YB Langkap maklum ada 8 ekor hidup berkeliaran dalam DUN Langkap. Menggambarkan isu ancaman gajah ini agak serius. Walaupun kita dah buat beberapa langkah di antaranya tangkap pindah. Tangkap pindah untuk tahun 2024, 14 ekor kita angkat pindah, 2023 tiga ekor,

2022 lima ekor, kita buat sistem pagar elektrik gajah di Kampung Pelung di Langkap ada 30 km SPAG di Kampung Payung sehingga Chaluk Barat ada 25 km tapi nampaknya masalah masih lagi berleluasa. Dari segi punca kepada gangguan, bila kita dengan Jabatan Perhilitan, punca utamanya kerana gajah ni nak cari makan, bukan suka-suka dia nak rosakkan tanaman milik penduduk. Faktor penarik apabila ladang-ladang dan tebu-tebu dibuka di kawasan pinggir hutan menyediakan sumber makanan yang mudah untuk mereka.

Jadi di antara langkah lain sebagai tambahan ialah kita perlu wujudkan *foodbank*, bank makanan di kawasan-kawasan yang telah dilakukan kerja pembalakan yang paling *simple* ialah ditanam dengan *napier* yang merupakan di antara sumber makanan utama gajah, dan yang kedua di kawasan-kawasan yang menjadi *hotspot* dipasang lampu kerana gajah ni agak sensitif dengan cahaya bila kawasan itu dipasang lampu biasanya gajah akan menjauhkan diri dan terakhir sekali kita pasang kolar satelit pada leher gajah untuk memantau pergerakan dan tingkah laku gajah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya tanya soalan dengan pantun;

Batik Hijau Menarik Perhatian,
Masuk Dewan Ceria Berseri,
Soalan Batu Rakit Sampai Liburan.
Nombor Tiga Senyum Tenang Yang Amat Berhormat MB Samsuri

Soalan 3

Bolehkah pihak Kerajaan Negeri menyatakan setakat manakah pencapaian PITAS 2030 sehingga kini dan apakah Kerajaan Negeri optimis ianya dapat dijayakan sepenuhnya dengan keadaan situasi ekonomi dan politik kini dengan berbaki lima tahun lagi dari sekarang?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua dan kepada Batu Rakit yang mengemukakan persoalan mengenai PITAS atau yang kita sebut sebagai Pelan Induk Terengganu Sejahtera.

Kerajaan Negeri melalui Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) telah menyenaraikan 93 Program Pembangunan Berimpak Tinggi atau (*High Impact Portfolio Programs*) dengan izin, yang merangkumi inisiatif sedia ada serta tambahan baharu yang diselaraskan kepada setiap portfolio EXCO. Sehingga kini, sebab Yang Berhormat bertanya tentang sehingga kini, laporan pelaksanaan semasa adalah, 32 program telah berjaya disempurnakan dan ianya mewakili (34.4%) daripada keseluruhan 93 program. Manakala 38 program sedang giat dalam pelaksanaan yang mewakili (40.9%) daripada keseluruhan program dan 19 program pula berada pada peringkat perancangan yang juga mewakili (20.43%) dan hanya ada empat program sahaja yang masih di peringkat kertas konsep iaitu (4.3%).

Oleh yang demikian secara keseluruhannya, ada 75% program telah siap yang sedang dilaksanakan dan ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri bersama dengan jentera pelaksana, agensi teknikal dan rakan strategik dalam memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai oleh setiap rakyat di Negeri Terengganu dan kita sedar tentang cabaran ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik.

Walaupun kita berada di Negeri Terengganu dan geopolitik antarabangsa berlaku jauh di sana di Amerika Syarikat dan di Asia Barat dan Eropah sendiri tetapi oleh kerana kekejaman kesalinghubungan antara kegiatan ekonomi

negara-negara yang berada di atas dunia ini tidak dapat tidak ianya yang telah mempengaruhi ketidaktentuan ekonomi dalam negeri kita.

Namun demikian, dengan pendekatan yang perlu aktif dan berdaya tahan Kerajaan Negeri terus melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk memastikan PITAS 2030 dapat dijayakan sepenuhnya dalam tempoh berbaki lima tahun lagi ini dan tentunya kita akan melihat dari segi keutamaan ataupun *priority* mana yang perlu kita dahulukan untuk dilaksanakan. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERTHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor dua.

Soalan 2

Sejauh manakah kemajuan Projek sungai tiruan bernilai RM300 juta (8-9 km) bermula dari Paman ke Tasik Bungkus Ibok bagi mengatasi masalah banjir di Cukai/ Daerah Kemaman dan nyatakan tahap sedia guna dan jangkaan tarikh operasi penuh bermula?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua, Cukai..

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Air Putih, Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, soalan sebagaimana yang tertera.

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu atau (PLSB) Sungai Kemaman yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos projek RM300 juta masih di peringkat pra pelaksanaan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia. Objektif projek ini adalah bagi mengurangkan kawasan banjir dan melindungi nyawa serta mengelakkan kerosakan harta benda. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina dan ianya di peringkat penilaian

kontraktor oleh JPS Malaysia. Surat setuju terima kepada kontraktor yang berjaya telah dijadualkan akan dikeluarkan pada Disember 2025. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah lima tahun, di mana ianya dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2031.

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu objektifnya mengurangkan kawasan banjir dan melindungi nyawa serta mengelakkan kerosakan harta benda. Skop, satu pembinaan lencongan banjir, kedua pembinaan ban, ketiga komponen elektrik dan mekanikal dan yang keempat lain-lain kerja berkaitan.

Kaedah perolehan reka dan bina, jangkaan surat niat dikeluarkan November 2025, tarikh pelaksanaan atau makmal kajian nilai (VA) 9-13 Mei 2026. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai, seterusnya saya persila Yang Berhormat Telemung.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama ditolak, *betul ke wat lolok?* Masih ada nombor dua dan tiga, saya nak tanya soalan nombor tiga. Terima kasih.

Soalan 3

Aktiviti pertanian merupakan antara utama sumber rakyat Daerah Hulu Terengganu suatu ketika dahulu tetapi kelihatan suram akhir-akhir ini. Apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk mengembalikan dan memperkasakan semula agenda pertanian ini di Daerah Hulu Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemung. Hulu Terengganu antara fokus utama dalam agenda pertanian negeri. Dari segi peruntukan untuk sektor pertanian, penternakan perikanan dan juga naik taraf sistem perairan saliran bagi Daerah Hulu Terengganu, kalau saya boleh senaraikan daripada tahun 2018- RM 430 ribu lebih, 2019- RM 530 ribu lebih, 2020- RM1.044 juta, 2021- RM2.146 juta, 2022- RM1.3 juta, 2023- RM2.19 juta dan 2024- RM5.47 juta.

Sektor akuakultur di antara sumber utama ekonomi di Hulu Terengganu di antara yang mendapat peruntukan terbesar sebanyak RM3 juta dalam tempoh tujuh tahun dan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024 - 2030 kita telah letakkan satu sasaran untuk mewujudkan TKPM baru di Kampung Pela, Hulu Terengganu. Pelepasan benih ikan juga di antara usaha kita untuk bantu nelayan barat. 2023, kita telah lepaskan lebih 374 ribu ekor anak benih ikan ke perairan hulu, 2024 meningkat kepada 851 ribu ekor lebih dan 2025 yang telah kita selesaikan 596 ribu ekor, dan pengusaha akuakultur ini sebenarnya menjana pendapatan yang cukup tinggi dalam konteks Hulu Terengganu, 2023 kita ada seramai 101 penternak berdaftar yang menghasilkan 381 metrik tan ikan bernilai RM5.2 juta. Untuk 2024, ada 90 penternak aktif menghasilkan 384 metrik tan yang bernilai kira-kira RM5.9 juta.

Dato' Yang di-Pertua, Taman Pertanian Sekayu di antara fokus dalam Hulu Terengganu umumnya ataupun DUN Telemong secara khususnya yang pernah menjadi di antara lokasi *Agro Tourism* yang terkenal di Terengganu. Ada banyak aktiviti menarik di sini. Taman tema air, ladang buah-buahan, tapak perkhemahan, asrama penginapan untuk program kem ataupun kursus ada ladang lebah, kelulut, kandang ternakan, aktiviti air dan banyak lagi. Yang menariknya kerana taman tema air di sini bersumberkan air daripada bukit yang mengalir terus bersih dan sejuk. Tapi banjir besar yang melanda pada tahun 2022, serangan gajah liar dan juga fenomena kepala air telah menjejaskan banyak infrastruktur di sini dan mengubah keceriaan menjadi kesuraman.

Sejak tahun lepas Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM2 juta bagi kerja-kerja baik pulih secara berperingkat dan saya sangat berterima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan di Hulu Terengganu seperti Pejabat Daerah, Pejabat JKR, Majlis Daerah, Jabatan Perhutanan, Pejabat ADUN Telemong yang sama-sama membantu Jabatan Pertanian dengan menjadikan bahagian-

bahagian tertentu dalam Taman Pertanian Sekayu ini sebagai kawasan angkat untuk sama-sama menyumbang bagi mengembalikan keceriaan dan seterusnya menggamit semula kehadiran pengunjung. Dalam kunjungan saya yang terakhir bersama Yang Berhormat Telemong kira-kira dua minggu lepas nampaknya Taman Pertanian Sekayu kita ini dalam keadaan bersedia untuk menerima semula kehadiran pengunjung walaupun belum sepenuhnya semua bahagian boleh dibuka.

Dari segi bantuan kepada penternak dalam bentuk input ternakan pembangunan padang ragut, pembangunan juru suntik, pemanian berhadad, Tabung Bencana Pertanian, Bantuan Rezeki Ternak, Program Agropreneur Muda dan banyak lagi berjumlah lebih daripada RM2 juta bagi tahun 2024 dan *insya-Allah* sebagaimana yang saya umumkan dalam Sidang yang lepas, Daerah Hulu Terengganu di antara sasaran kita untuk diisytiharkan sebagai salah satu Daerah Gedung Pengeluaran Pemakanan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Dato' Yang di-Pertua, boleh tambah soalan *dok*? Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita melebihi daripada 1 jam 45 minit dah.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Dok* bolehlah ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa soal jawab saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab soalan-soalan. Kita saja menamatkan sesi soalan-soalan lisan. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan serta terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberi jawapan pada kali ini. Seterusnya saya...

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ye, Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Saya mohon untuk membawa satu Usul Persendirian Di Bawah Perkara 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Kertas Dewan Undangan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Serah tajuk usul tersebut kepada Bentara untuk saya teliti dahulu sebelum saya buat keputusan selepas rehat nanti, *insya-Allah*. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.20 pagi. *Insya-Allah*.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA 10.45 PAGI

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَالِهِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat disambung semula.

Dewan pada pagi ini telah menerima satu Usul Di Bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri yang disampaikan oleh Yang Berhormat Wakil Buluh Gading. Setelah dibaca dan diteliti saya mendapati usul ini menepati syarat perkara-perkara tertentu dan kepentingan orang ramai dan segera. Oleh yang demikian Usul Di Bawah Perkara 30 Mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Buluh Gading boleh diterima dengan syarat mendapat sokongan tidak kurang dari sembilan orang Ahli Dewan. Sesiapa yang menyokong Usul ini, sila bangun.

Usul ini cukup sokongannya, Usul ini Di Bawah Perkara 30 telah menerima sokongan lebih daripada sembilan orang Ahli Dewan. Oleh itu saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Buluh Gading untuk membentangkan Usul tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang telah memberi laluan kepada saya untuk membentangkan Usul Persendirian Di Bawah Perkara 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan sehingga membolehkan Usul Persendirian ini dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini bersempena dengan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kelima Belas.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Usul mengutuk serangan Israel ke atas Iran. Pertama latar belakang isu serangan Israel ke atas Iran bahawa Dewan ini mengambil maklum dan memandang serius tindakan agresif rejim Zionis Israel yang telah melancarkan serangan ketenteraan ke atas Republik Islam Iran baru-baru ini, yang didakwa mensasarkan kemudahan strategik dan infrastruktur penting negara berdaulat tersebut. Serangan ini berlaku di luar Wilayah Israel sendiri dan jelas merupakan satu bentuk pencerobohan yang melanggar Undang-Undang Antarabangsa, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Prinsip Asas Kedaulatan Negara-Negara Bebas.

Tindakan Israel ini juga dilihat sebagai usaha untuk mencetuskan ketegangan yang lebih meluas di Rantau Asia Barat menjejaskan kestabilan serantau dan membuka jalan kepada campur tangan kuasa luar demi kepentingan geopolitik mereka. Sikap umat Islam terhadap isu ini bahawa umat Islam di seluruh dunia memandang serangan ini sebagai satu penghinaan terhadap prinsip keadilan, kedaulatan dan keselamatan negara umat Islam, serta satu bentuk penjajahan moden yang semakin berani dan biadab. Umat Islam wajib bersolidariti menolak pencerobohan seumpama ini, menzahirkan pendirian tegas terhadap sebarang bentuk keganasan negara (*state terrorism*) yang dilakukan oleh Israel, serta menolak sebarang percubaan kuasa besar untuk memecah-belahkan kesatuan ummah melalui konflik proksi dan adu domba mazhab atau bangsa.

Umat Islam harus sedar bahawa penubuhan Israel sendiri adalah hasil projek penjajahan untuk melindungi kepentingan Barat di Timur Tengah, mengawal sumber strategik dan menjadi alat tekanan terhadap dunia Islam. Tindakan yang mesti diambil oleh negeri, Malaysia dan Dunia Islam, bahawa Dewan ini berpendapat dan menyeru, satu, Kerajaan Negeri di bawah SG4 hendaklah menyatakan kecaman tegas dan menolak sekeras-kerasnya serangan Israel ke atas Iran serta apa-apa bentuk pencerobohan ke atas mana-mana negara berdaulat. Kedua, Kerajaan Negeri melalui saluran diplomasi dan NGO Islam

digesa untuk mendukung usaha kesedaran awam mengenai bahaya zionisme dan peranan Israel dalam menaja ketidakstabilan di dunia Islam.

Ketiga, Kerajaan Malaysia hendaklah mengambil pendirian konsisten untuk mengutuk pencerobohan ini di peringkat antarabangsa termasuk dalam Sidang ASEAN, OIC dan PBB, serta mendesak tindakan diplomatik dan Undang-Undang Antarabangsa ke atas Israel.

Keempat, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) hendaklah segera bersidang dan mengeluarkan Resolusi bersama yang tegas termasuk langkah diplomatik dan ekonomi, untuk menekan Israel agar menghentikan sebarang tindakan agresif dan mematuhi undang-undang Antarabangsa dan yang kelima, semua negara Islam diseru untuk mengetepikan perpecahan dalaman dan bersatu menolak campur tangan kuasa luar yang hanya mahu melemahkan kekuatan politik, ekonomi dan ketenteraan dunia Islam.

Penutup, bahawa Dewan ini menegaskan pendirian bahawa sebarang bentuk pencerobohan dan keganasan antarabangsa mesti lah ditolak demi mempertahankan prinsip kedaulatan negara, keamanan sejagat dan maruah umat manusia, khususnya umat Islam. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Buluh Gading. Kita telah mendengar Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Buluh Gading. Walau bagaimanapun saya ingin menetapkan bahawa Usul ini tidak akan dibahaskan. Maksud dan matlamat pembawaan Usul ini sudah jelas, nyata dan difahami. Sekarang Usul ini dibuka untuk undian, siapa bersetuju Usul ini diterima sila angkat tangan. Usul ini diterima dengan sebulat suara.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara Seterusnya Di Dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini, ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Wakil Paka mengemukakan Usul Penutupan Kumpulan Wang Amanah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

"Bahawa menurut subperenggan 10(4)(b) Akta Tatacara kewangan 1957, Akta 61 Dewan Undangan Negeri membuat KETETAPAN bersetuju membatalkan Kumpulan Wang Amanah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu sebagaimana Lampiran A.

LAMPIRAN A

BIL	NO. KOD	NAMA KWA	BAKI (RM)
1	59115/E0217115	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu	3.00
JUMLAH			3.00

Itu sahaja. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, ada sokongan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Oleh kerana tiada perbahasan bagi Usul Menutup Kumpulan Wang Amanah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu, sekarang saya buka kepada undian. Siapa bersetuju dengan Usul ini sila angkat tangan -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diterima dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan pada satu masa yang akan ditetapkan kemudian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sidang kita pada hari ini turut menerima kehadiran pemerhati daripada pelbagai latar belakang khususnya rombongan pelajar dan guru daripada Maahad Darul Quran, Rusila. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian hadir yang amat kami hargai. Moga-moga anak-anak yang hadir pada program ataupun persidangan kali ini dapat melihat dan mempelajari tentang proses demokrasi serta usaha memperkasakan institusi-institusi Dewan Undangan Negeri sebagai wadah suara rakyat. Saya ucap terima kasih kepada semua pemerhati.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini juga ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan, juga mengucapkan simpati terhadap insiden yang berlaku pada baru-baru ini. Semoga yang sakit disembuhkan dan yang telah meninggal dunia dikurniakan kerahmatan oleh Allah *Subhanahu Wa Taala* dan keluarga diberikan kemudahan dan kesabaran. Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan pada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Tasbih kaffarah dan Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.35 PAGI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025**

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 07 JULAI 2025**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT DR. HAJI RIDUAN BIN MOHAMAD NOR
ADUN JERTIH**

SOALAN 1 : Sejauh manakah usaha mewujudkan jambatan kedua Bandar Jertih bagi usaha penyuraian trafik terutama di musim perayaan?

JAWAPAN : Permohonan pelaksanaan projek jambatan kedua Jertih telah dibuat dan dimasukkan dalam senarai cadangan projek Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 4. Status terkini pelaksanaan projek adalah di peringkat rekabentuk oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI
ADUN KEMASIK

SOALAN 1 : Berapakah peruntukan yang Kerajaan Negeri peruntukkan untuk bangunkan bengkel IKS serta bagaimanakah pengagihannya?

JAWAPAN : Peruntukan bagi membangunkan bengkel IKS oleh Kerajaan Negeri, setakat ini tiada peruntukan khas yang telah diperuntukkan untuk membangunkan bengkel IKS. Walau bagaimanapun, sekiranya agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan ingin mengemukakan permohonan peruntukan untuk membangunkan bengkel IKS, bolehlah memohon kepada kerajaan negeri di bawah vot P02 - 03938 Pembangunan Projek-Projek IKS untuk diteliti bergantung kepada keperluan semasa dan kewangan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025
TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG
ADUN PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Mohon Kerajaan Negeri memperincikan langkah-langkah yang diambil bagi mengoptimumkan penggunaan aset-aset penting negeri seperti tanah Kerajaan Negeri, bangunan milik GLC dan kawasan perindustrian agar dapat menjana peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negeri?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

SOALAN 2 : Adakah pihak Kerajaan Negeri mengadakan audit atau kajian semula ke atas keberkesanan penggunaan aset-aset Kerajaan Negeri seperti tanah, bangunan dan kawasan industri bagi memastikan penggunaan dan penghasilan yang optimum kepada hasil Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menilai semula penggunaan tanah dan bangunan atas tanah milik kerajaan di semua daerah. Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi menyelesaikan isu bangunan terbiar di atas tanah kerajaan ialah dengan memberikan kelulusan khas untuk menyewakan bangunan seperti kuarters kepada agensi-agensi kerajaan untuk dijadikan sebagai pejabat operasi. Selain itu, pentadbiran negeri juga telah mengenakan pajakan ke atas tanah-tanah kerajaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan-Badan Berkanun (BBN) Negeri di bawah peruntukan Seksyen 63, Akta Kanun Tanah Negara yang mana memberikan kebenaran untuk menjaga dan memajukan kawasan yang dipajak tersebut. Manakala dari segi hasil pula, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) sentiasa menggandakan usaha untuk meningkatkan hasil kutipan cukai tanah tahunan dan juga bayaran premium tanah yang diberimilik sama ada kepada individu, syarikat, agensi ataupun pertubuhan.

SOALAN 3 : Apakah kadar pengangguran semasa Negeri Terengganu berdasarkan data terkini dan apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran tersebut terutama di kalangan belia dan graduan?

JAWAPAN : 1. Rekod kadar pengangguran semasa Negeri Terengganu mengikut Suku Tahunan adalah seperti berikut:

2023	2024				2025
	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4	ST 1
3.4 %	3.8 %	3.4 %	3.0 %	3.4 %	2.9 %

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

2. Rekod bilangan penganggur semasa **siswazah/graduan** adalah seperti berikut:

	2020	2021	2022	2023
SISWAZAH	169,100	175,600	158,600	167,700
BEKERJA	125,200	133,900	118,200	123,500
PENGANGGUR	6,200	6,800	5,800	5,000
LUAR TENAGA BURUH	37,700	35,000	34,600	39,200

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

3. Inisiatif

- Mengurangkan jurang maklumat jawatan-jawatan kosong terkini dengan mewujudkan kumpulan whatsapp yang terdiri dari semua Pengerusi dan setiausaha JPKK seluruh negeri Terengganu
- Menerokai peluang-peluang pekerja dalam sektor tumpuan melalui libat urus bersama sektor railway (MRL), sektor Penerbangan dan sektor halal (CHAP)
- Mengadakan Klinik Resume di Pusat Cari Kerja secara bulanan. Membantu pencari kerja memperbaiki resume agar mendapat perhatian majikan
- Pendaftaran Rakan THRDC untuk tujuan bantuan hebahan maklumat jawatan kosong

- Pemasangan skrin S@MPAI di seluruh Pusat Khidmat Masyarakat dan beberapa lokasi tumpuan seperti masjid yang memaparkan maklumat jawatan kosong terkini.
- Mengadakan kajian dengan kerjasama ILMIA DOSM bagi kajian Kajian Pencari Kerja Terengganu : Isu dan Cabaran. Bertujuan mengetahui dengan lebih mendalam masalah atau cabaran yang dihadapi oleh pencari kerja. Sekarang dalam fasa menerima maklumbalas. Telah mendapat 2700 maklumbalas berbanding sasaran 3000 responden di kalangan pencari kerja di Terengganu.

SOALAN 4 : Bagaimanakah langkah dan tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan belia dan graduan yang masih menganggur?

JAWAPAN : Antara usaha kerajaan negeri bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam sektor strategik adalah melalui

- 1.1. Penempatan Pekerjaan Secara Bersasar.
- 1.2. Program latihan Place & Train dalam bidang Juruteknik Pesawat Bertauliah
- 1.3. Program Oil & Gas Wakalah Technical Programme (OGWTP) dengan kerjasama Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP) dan Yayasan Pendidikan MAIDAM (YPM) telah mengadakan.
- 1.4. kursus latihan Certified Halal Internal Auditing Programme (CHAP) dengan kerjasama Halal Development Corporation (HDC) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- 1.5. Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) yang melibatkan program latihan di negara China dengan kerjasama pihak East Coast Rail Link (ECRL),
- 1.6. Program U-BES (Usahawan Belia Sejahtera).

SOALAN 5 : Apakah cadangan dan kaedah secara holistik yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam mengatasi masalah air banjir dan limpahan sungai yang berlaku setiap kali berlaku banjir dan sejauh manakah pematuhan terhadap kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) telah dipatuhi oleh pihak yang berkenaan terutama Pihak Berkuasa Tempatan dalam merancang dan merangka pembangunan setempat?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa berusaha untuk mengurangkan impak banjir di seluruh negeri secara berterusan. Untuk mengurangkan impak banjir secara holistik, Kerajaan Negeri mengambil langkah pendekatan secara struktur dan bukan struktur sebagaimana berikut:-

BIL.	KAWASAN BANJIR	KAEDAH PENYELESAIAN
1.	Taman Desa Damai, Gong Badak, Kg Padang Air, Kuala Terengganu, Taman Pusu 3, Kg Tok Jiring	Projek Membina Dan Menyiapkan Projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring/Batu Rakit Bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1) Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
2.	Kampung Gong Kiat	Rancangan Tebatan Banjir Gong Kiat
3.	Kampung Guntung Luar	Rancangan Tebatan Banjir Guntung Luar, Setiu, Terengganu
4.	Kg Baru Kemasik	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kemasik, Kemaman
5.	Kawasan Bukit Payung, Marang	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bukit Payung, Daerah Marang, Terengganu (Fasa 1)
6.	Kg Banggol Air Lilih, Kg Tepoh, Pangkalan Arang, Perumahan Pusu 3	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tepoh Dan Banggol Air Lilih Di Daerah Kuala Nerus, Terengganu
7.	Taman Perumahan Gong Badak, Kg Jati	Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara (UMT) Dan Kawasan Sekitar, Kuala Terengganu
8.	Kawasan UMT, Kuala Nerus	Sistem Tebatan Banjir Dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai Di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Melalui pendekatan secara struktur, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu melaksanakan projek rancangan tebatan banjir (RTB). Pelaksanaan projek ini merangkumi skop

membina dan menaiktaraf pelbagai infrastruktur banjir seperti ban, struktur kawalan hakisan, rumah pam, pintu air, kolam takungan, sistem saliran termasuklah kerja melebar dan mendalamkan sungai.

Melalui pendekatan bukan struktur, Kerajaan Negeri melalui JPS menyediakan pelan induk tebatan banjir (PITB) yang bertujuan untuk menyediakan perancangan dan penyelesaian banjir secara menyeluruh. Sebanyak dua PITB telah siap dilaksanakan untuk Negeri Terengganu iaitu PITB Sungai Kerteh dan PITB Sungai Marang. Pada masa ini, PITB Sungai Terengganu sedang dalam peringkat Pembangunan.

Selain daripada itu, Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) adalah antara pendekatan bukan struktur di mana PISMA merupakan dokumen pelan induk yang mematuhi konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk merancang pembangunan masa hadapan yang lebih sistematik dan mampan. PISMA diperlukan di bandar utama sebagai panduan dan rujukan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju dan mana-mana pihak yang berkaitan untuk menaiktaraf, membina sistem saliran serta merancang pembangunan masa hadapan yang lebih terancang, sistematik dan mampan bagi mengurangkan risiko banjir kilat dan mengawal pencemaran akibat pembangunan. PISMA telah dipersetujui untuk pemakaian dan pelaksanaannya di semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Kali ke-41 Bilangan 1 Tahun 2023 pada 17 April 2023 sebagaimana Pekeliling Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 2 Tahun 2023 – Pemakaian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Dalam Pembangunan Tanah.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT
ADUN SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Apakah status projek PRIMA di Mengabang Panjang?

JAWAPAN : Status projek PR1MA di Mengabang Panjang, Batu Rakit adalah telah ditamatkan lanjutan Pelan Rasionalisasi PR1MA pada 1 Oktober 2019. Projek tersebut ditamatkan kerana tidak berdaya saing dan kurang mendapat sambutan daripada pembeli iaitu hanya 10% sahaja yang ditempah daripada jumlah 350 unit. Rumah yang ditawarkan adalah jenis apartment terdiri daripada 6 hingga 9 tingkat dan mempunyai 3 blok. Pembinaan projek perumahan tersebut adalah di atas tanah persendirian. Sehingga 18 Jun 2025, kemajuan fizikal yang dicapai adalah 63.55%.

Buat masa ini, pihak PR1MA sedang memperhalusi halatuju projek dan bersedia untuk membuat perbincangan lanjut dengan kerajaan Negeri Terengganu bagi pelaksanaan projek supaya manfaat perumahan mampu milik dapat dikecapi oleh golongan M40 di Negeri Terengganu.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YB MOHD YUSOP BIN MAJID
ADUN PERMAISURI

SOALAN 1 : Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam melatih dan melahirkan tenaga kerja rakyat Terengganu yang berkemahiran tinggi, berinovatif serta cemerlang, sejajar dengan potensi kecerdasan dan kepintaran rakyat negeri ini?

JAWAPAN : Antara usaha kerajaan negeri bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam sektor strategik adalah melalui:-

- 1.1 Penempatan Pekerjaan Secara Bersasar.
- 1.2 Program latihan Place & Train dalam bidang Juruteknik Pesawat Bertauliah
- 1.3 Program Oil & Gas Wakalah Technical Programme (OGWTP) dengan kerjasama Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP) dan Yayasan Pendidikan MAIDAM (YPM) telah mengadakan
- 1.4 kursus latihan Certified Halal Internal Auditing Programme (CHAP) dengan kerjasama Halal Development Corporation (HDC) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- 1.5 Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) yang melibatkan program latihan di negara China dengan kerjasama pihak East Coast Rail Link (ECRL),

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL
ADUN BATU RAKIT

SOALAN 1 : Dalam ucapan YAB MB dalam sidang DUN sebelum ini, ada disebut cadangan penubuhan Terengganu Petroleum (TP). Bagaimanakah persediaan dan kemampuan Kerajaan Negeri ke arah penubuhan Terengganu Petroleum (TP) dibuat?

JAWAPAN : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu melalui syarikat pelaburan strategiknya, Terengganu Incorporated Sdn Bhd telah menubuhkan TI Petroleum Sdn Bhd (TI Petroleum) sebagai langkah awal ke arah penubuhan entiti petroleum negeri yang dikenali sebagai Terengganu Petroleum (TP).
Penubuhan ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penglibatan dalam sektor minyak dan gas secara lebih aktif dan strategik dengan memfokuskan kepada E&P (Exploration & Production) demi memastikan manfaat ekonomi dapat diagihkan secara lebih meluas kepada rakyat dan negeri Terengganu.
Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui TI Petroleum sedang dalam proses melaksanakan kajian dan perbincangan rasmi dan terperinci melibatkan PETRONAS dan rakan strategik meliputi aspek teknikal, kewangan, risiko serta potensi pasaran bagi memastikan penubuhan TI Petroleum adalah realistik, mampan dan memberikan pulangan yang menguntungkan kepada negeri. Antara kesan positif penubuhan TI Petroleum adalah:

- i. Peningkatan peluang pelaburan negeri dalam aset minyak dan gas sedia ada (brownfield) yang di dalam proses penghasilan (producing asset).
- ii. Penyediaan peluang pekerjaan berkualiti tinggi kepada anak negeri dalam sektor hulu (upstream) minyak dan gas.
- iii. Potensi pembangunan industri hiliran (downstream) serta aktiviti tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) yang memberi kesan limpahan ekonomi kepada industri sokongan tempatan.
- iv. Pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan berkemahiran tinggi di kalangan rakyat Terengganu.
- v. Peningkatan peluang pelaburan negeri dalam aset minyak dan gas sedia ada (brownfield) yang di dalam proses penghasilan (producing asset).
- vi. Penyediaan peluang pekerjaan berkualiti tinggi kepada anak negeri dalam sektor hulu (upstream) minyak dan gas.
- vii. Potensi pembangunan industri hiliran (downstream) serta aktiviti tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) yang memberi kesan limpahan ekonomi kepada industri sokongan tempatan.
- viii. Pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan berkemahiran tinggi di kalangan rakyat Terengganu.

Mengenai pembelajaran daripada penubuhan PETROS di Sarawak, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa kejayaan PETROS banyak bergantung kepada peruntukan kuasa di bawah MA1963 dan Ordinan Perlombongan Minyak Sarawak (OMO 1958) yang tidak terpakai di negeri-negeri lain termasuk Terengganu.

Namun begitu, beberapa elemen kejayaan PETROS seperti pemilikan ekuiti dalam blok pengeluaran, pembangunan sumber gas asli dan tenaga boleh diperbaharui serta pemerksaan modal insan tempatan akan dijadikan rujukan utama dalam membentuk model operasi TI Petroleum yang bersesuaian dengan kedudukan dan keupayaan Negeri Terengganu.

Kesimpulannya, penubuhan TI Petroleum akan dilaksanakan secara terancang, berasaskan kajian komprehensif dan berpandukan prinsip "low-risk, high-value" demi memastikan manfaat jangka panjang kepada ekonomi dan rakyat negeri ini.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF
ADUN LANGKAP

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dalam menangani masalah lembu berkeliaran yang menyebabkan kemalangan jalan raya?

JAWAPAN : Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani masalah lembu berkeliaran yang menyebabkan kemalangan jalan raya adalah sebagaimana berikut:

1. Menjalankan aktiviti intipan dan tangkapan di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi lembu berkeliaran.
2. Pesanan dan didikan melalui khutbah jumaat berkenaan haiwan berkeliaran.
3. Pemakluman disampaikan melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) bagi mewar-warkan kesalahan lembu berkeliaran.
4. Operasi bersepadu agensi-agensi kerajaan.
5. Mengenakan denda kepada pemilik-pemilik lembu yang dikenal pasti.
6. Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada para penternak untuk memastikan ternakan dikurung dalam kawasan berpagar dan mematuhi Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP).

SOALAN 2 : Apakah program dan aktiviti yang dirancang oleh pihak kerajaan bagi mencegah isu masalah sosial di kalangan remaja negeri ini?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa komited dalam usaha membentuk sahsiah dan akhlak mulia dalam kalangan generasi muda negeri ini melalui pendekatan bersifat pencegahan, pendidikan nilai, serta pemerksaan kepimpinan belia. Antara inisiatif strategik yang sedang digerakkan termasuklah inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Akademi Kepimpinan Al-Fateh (AKAF) sebagai salah satu wahana penting dalam membina akhlak dan jati diri anak muda terpilih Negeri Terengganu. Antara **program teras** yang dirancang untuk **tahun 2025** termasuk:

1. **Kem Impak Belia Darul Iman (KIAM)** – membina jati diri, ketahanan spiritual dan nilai akhlak Islami.
2. **Beyond Leadership** – menyemai kepimpinan berprinsip berasaskan nilai dosa-pahala, dengan pendekatan STEM dan komunikasi berkesan.
3. **FUTERA (Future Leaders Terengganu)** – melatih belia terpilih menjadi pemimpin berwibawa, berintegriti dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.
4. **FUTERA (Future Leaders Terengganu)** – melatih belia terpilih menjadi pemimpin berwibawa, berintegriti dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Melalui Urusetia Belia, Sukan dan NGO Terengganu Sejahtera (UBSNT) pula telah melaksanakan Lepak Cergas Santai Belia Darul Iman (LEGASI) sebanyak 6 siri bagi mengajak golongan muda mendekati aktiviti sihat dan ilmiah. Program ini telah mendapat penyertaan dari pelajar sekolah dan mahasiswa dari institut pengajian tinggi dalam negeri. Selain aktiviti rekreasi, LEGASI juga menyajikan perkongsian ilmu oleh pendakwah, ikon anak muda dan barisan qari sebagai suntikan motivasi serta didikan agama kepada para peserta.

Selain itu, Jelajah Nurani Belia dan Sidang Meja Bulat mensasarkan penglibatan kepimpinan pertubuhan belia, ADUN Belia Terengganu, wakil komuniti anak muda dan penuntut dalam kegiatan kemasyarakatan bersama wakil rakyat setempat. Program ini memfokuskan fungsi penting golongan belia dalam usaha agihan bantuan kebajikan, makanan dan barangan dapur untuk keluarga asnaf. Mereka juga terlibat dalam perbincangan khas mengenai hal ehwal belia termasuklah menyediakan resolusi kepada isu masalah sosial, keruntuhan akhlak, jurang pendidikan dan pengangguran yang berlaku kepada generasi muda hari ini.

Kerajaan negeri juga sedang merancang penganjuran Karnival Himpunan Belia Terengganu (HEBAT) pada awal Oktober ini bagi mengoptimumkan potensi dan partisipasi aktif golongan remaja serta anak muda dengan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, rekreasi, sukan, kerjaya dan keusahawanan, pementasan bakat serta bengkel kemahiran. Secara tidak langsung, inisiatif berimpak besar ini dapat mengalih tumpuan para belia dari terjebak gejala tidak sihat.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI MOHD HAFIZ BIN ADAM
ADUN AIR PUTIH

SOALAN 1 : Sejauh manakah kemajuan penubuhan Syarikat Petroleum Terengganu (TP)? Apakah Syarikat ini akan berfungsi dan beroperasi seperti Syarikat Sarawak (PETROS)?

JAWAPAN : Sehingga kini, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Terengganu Inc. telah menubuhkan TI Petroleum Sdn. Bhd. (TI Petroleum) sebagai syarikat pelaburan strategik dalam sektor minyak dan gas negeri. Penubuhan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkukuh penglibatan secara langsung dalam aktiviti hulu (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) minyak dan gas, serta aktiviti berkaitan tenaga baharu.

Pelaksanaan dan fungsi utamanya TI Petroleum buat masa ini lebih tertumpu kepada:

- i. Pelaburan komersial terpilih di dalam aset minyak dan gas yang dalam proses penghasilan (*producing assets*);
- ii. Kerjasama strategik dengan pemain industri bagi pembekalan teknologi dan kepakaran.

Berbeza dengan PETROS yang mempunyai kuasa kawal selia (*regulatory authority*) dalam beberapa aspek operasi minyak dan

gas di Sarawak berlandaskan Ordinan Perlombongan Minyak Sarawak (OMO) 1958, TI Petroleum setakat ini masih berfungsi sebagai entiti pelaburan komersial tanpa kuasa kawal selia atau penerbitan lesen.

SOALAN 2 : Apakah solusi supaya rakyat yang telah mendapat hakmilik tanah berkelompok dapat mula membina rumah masing-masing?

JAWAPAN : Solusi supaya rakyat yang telah mendapat hakmilik tanah berkelompok dapat mula membina rumah masing-masing ialah dengan beberapa cara iaitu;

1. **Permohonan Rumah Mesra Rakyat Darul Iman (RMR-RAHMAN) di bawah Kerajaan Negeri.** Pemilik tanah boleh mengemukakan permohonan untuk membina rumah melalui program **Rumah Mesra Rakyat Darul Iman (RMR-RAHMAN)** yang diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Terengganu** melalui sistem **e-Perumahan**. Setiap permohonan perlu memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan selaras dengan **Dasar Perumahan Negeri Terengganu**.
2. **Permohonan Rumah Mesra Rakyat (RMR) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).** Selain itu, pemohon juga boleh memohon secara terus kepada **SPNB Cawangan Terengganu** untuk program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah kelolaan agensi Persekutuan tersebut. Permohonan yang dibuat perlu menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak SPNB bagi melayakkan permohonan dipertimbangkan dan diluluskan.

3. **Permohonan Rumah melalui Program Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS) / Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).** Pemilik tanah berkelompok yang tergolong dalam kategori miskin atau miskin tegar dan berdaftar dalam sistem **e-Kasih** juga boleh mengemukakan permohonan rumah melalui program berikut:
- i. **Program Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS)**
Permohonan dibuat melalui **Pusat Khidmat Masyarakat (DUN)** di kawasan masing-masing. Penyelarasan, pemilihan dan tapisan nama-nama pemohon akan dilaksanakan oleh **Pejabat Daerah** berkaitan.
 - ii. **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)**
Diselaraskan oleh **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** serta **Giat MARA**. Pemohon yang layak akan ditapis dan dipilih berdasarkan kelayakan yang ditetapkan oleh agensi pelaksana.
4. **Bantuan perumahan MAIDAM yang mana** inisiatif yang disediakan bagi membantu golongan **asnaf** dan **miskin tegar** untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa. Antara bentuk bantuan diberikan berkaitan pembinaan rumah ialah bina baharu yang mana di mana bantuan diberikan kepada pemohon **yang tidak mempunyai rumah** terbuka kepada **golongan asnaf dan miskin tegar**. Rumah dibina di atas tanah sendiri atau tanah yang sah dimiliki dan permohonan dibuat secara **dalam talian**. **Kos pembinaan bina rumah baharu adalah RM80,000.00.**

SOALAN 3 : Sejauh manakah langkah keselamatan seperti papan tanda amaran, sistem amaran pemantauan dan peruntukan penyelamatan disediakan di jeram-jeram yang dikunjungi bagi memastikan tragedi kepala air tidak berulang?

JAWAPAN : Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bersama pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dalam menangani insiden kematian akibat fenomena kepala air yang berlaku di kawasan lata dan tempat pelancongan air terjun adalah sepertimana berikut :

1. Penutupan Sementara Kawasan Rekreasi Berisiko

Menutup kawasan lata dan air terjun yang dikenal pasti berisiko tinggi terutama ketika musim hujan atau selepas hujan lebat bagi mengelakkan pengunjung terperangkap dalam fenomena kepala air.

2. Pemasangan Papan Tanda Amaran

Memasang papan tanda keselamatan dan amaran risiko kepala air di pintu masuk hutan simpan, kawasan lata dan air terjun yang berada di bawah kawalan Jabatan Perhutanan. Tanda ini memberi peringatan tentang risiko banjir kilat, tanah runtuh, dan kepala air.

3. Kawalan Pembalakan dan Penguatkuasaan Aktiviti Hutan

Penggantungan sementara lesen pembalakan di kawasan sensitif terutamanya berhampiran sungai dan air terjun bagi mengelakkan hakisan tanah dan aliran lumpur yang mempercepatkan fenomena kepala air. Mengawal aktiviti penebangan pokok yang boleh menyebabkan ketidakstabilan tanah dan runtuh serpihan ke sungai.

4. Kerja Pembersihan dan Pengurusan Kayu Hanyut

Melaksanakan pembersihan serpihan kayu hanyut dan puing hutan selepas musim hujan atau banjir bagi mengurangkan risiko aliran deras puing semasa kepala air.

5. Pemantauan dan Rondaan Berkala.

Melaksanakan rondaan secara berkala oleh Renjer Hutan di lokasi rekreasi dan kawasan hutan simpan untuk memastikan tiada pencerobohan atau aktiviti yang menambah risiko bencana. Pemeriksaan dilakukan terutama semasa musim cuti dan hujan lebat.

6. Pemetaan Kawasan Risiko

Menggunakan teknologi seperti dron dan GIS untuk mengenal pasti lokasi-lokasi berisiko tinggi berlakunya kepala air dan menyusun pelan mitigasi yang sesuai.

7. Kempen Kesedaran dan Pendidikan Pengunjung

Bekerjasama dengan agensi lain untuk mengadakan program kesedaran, taklimat keselamatan, dan edaran risalah kepada pengunjung tentang bahaya kepala air dan langkah berjaga-jaga di kawasan air terjun.

8. Kerjasama Antara Agensi

Berkoordinasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Pejabat Daerah dan lain-lain dalam usaha menyelamatkan, memberi amaran awal dan membina sistem tindak balas pantas apabila berlaku kejadian.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025
TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
ADUN TELEMUNG

SOALAN 1 : Sila nyatakan sumber-sumber hasil dan jumlah perolehan hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2024 yang lalu mengikut daerah-daerah di negeri ini?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah tajaan & bantuan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk para pelajar melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri pada tahun 2018-2024?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu dan Yayasan Pendidikan MAIDAM sentiasa komited dalam menyokong pembangunan modal insan dengan menyediakan tajaan dan bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.
Sepanjang tempoh tahun 2018 hingga 2024, jumlah keseluruhan tajaan dan bantuan pendidikan yang telah dibelanjakan oleh Yayasan Terengganu adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TAJAAN & BANTUAN (RM)
2018	43,105,063.94
2019	36,836,342.65
2020	30,147,258.16
2021	32,580,665.42
2022	36,657,308.46

2023	40,646,002.58
2024	42,574,881.04
Jumlah Keseluruhan (RM)	262,547,522.25

Tajaan ini meliputi :

- I. Biasiswa Skim Pelajar Cemerlang (SPC)
- II. Pinjaman Boleh Ubah (PBU)
- III. Bantuan Persediaan (Bantuan Awal)
- IV. Pembiayaan program TVET dan Kemahiran
- V. Tajaan luar negara (Mesir, Jordan, UK, Afrika Selatan, Tunisia, Algeria dll.)
- VI. Tajaan dalam negara (IPT dan IPTS terpilih)

Tahun	Pinjaman Pelajaran (RM)	Biasiswa (RM)	Pinjaman MLVK (RM)	Bantuan Persediaan (RM)	Jumlah (RM)
2018	19,036,025.91	5,507,955.03	4,336,309.00	14,224,774.00	43,105,063.94
2019	16,992,005.28	3,929,988.37	2,489,079.00	13,425,270.00	36,836,342.65
2020	11,642,469.87	4,414,138.29	1,539,050.00	12,551,600.00	30,147,258.16
2021	8,448,329.18	9,562,756.24	2,897,080.00	11,672,500.00	32,580,665.42
2022	4,762,474.96	16,818,783.50	3,022,550.00	12,053,500.00	36,657,308.46
2023	4,394,170.39	22,605,907.19	3,202,025.00	10,443,900.00	40,646,002.58
2024	4,878,280.04	22,157,014.00	3,539,587.00	12,000,000.00	42,574,881.04
Jumlah (RM)	70,153,755.63	85,996,542.62	21,025,680.00	86,371,544.00	262,547,522.25

Yayasan Pendidikan MAIDAM telah menyediakan bantuan zakat secara *one-off* kepada pelajar yang menyambung pengajian ke Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara. Antara bantuan yang diberikan adalah meliputi bantuan sebagaimana berikut:

1) Bantuan Awal Pengajian IPT Dalam dan Luar Negara

Bantuan ini diberikan khusus kepada pelajar yang baharu mendapat tawaran melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD serta permohonan sah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh daftar pengajian

2) Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara

Bantuan ini diberikan kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT dalam dan luar negara serta para pelajar boleh membuat permohonan setiap tahun dan berstatus masih dalam tempoh pengajian.

3) Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT

Bantuan ini disalurkan kepada pelajar yang telah tamat pengajian dan permohonan sah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tamat pengajian. Bantuan diberikan kepada pelajar yang menyambung pengajian di dalam negara (Sabah dan Sarawak sahaja) dan luar negara kepada pelajar berstatus persendirian.

Sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2024, Yayasan Pendidikan MAIDAM telah melaksanakan agihan bantuan zakat bagi tiga (3) jenis bantuan sepertimana di atas untuk tempoh 2015 hingga 2024 dengan jumlah agihan sebanyak **RM326,621,785.14** meliputi **314,935** orang penerima manfaat sebagaimana pecahan berikut:

Tahun	Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Agihan
2015	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	6,662	RM5,750,400.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	682	RM3,300,600.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	34	RM46,700.00
	Jumlah Keseluruhan	7,378	RM9,097,700.00

2016	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	11,155	RM9,986,100.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	14,166	RM16,482,400.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	69	RM109,100.00
	Jumlah Keseluruhan	25,390	RM26,577,600.00

Tahun	Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Agihan
2017	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	14,121	RM11,901,200.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	23,934	RM25,472,900.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	44	RM72,700.00
	Jumlah Keseluruhan	38,099	RM37,446,800.00
2018	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	15,751	RM13,405,100.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	21,020	RM27,996,600.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	51	RM74,815.00
	Jumlah Keseluruhan	36,822	RM41,476,515.00
2019	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	19,631	RM13,349,400.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	20,268	RM22,364,200.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	80	RM132,224.00
	Jumlah Keseluruhan	39,979	RM35,845,824.00

2020	Bantuan Awal Pengajian Dalam dan Luar Negara	14,314	RM12,050,500.00
	Bantuan Pendidikan IPT Dalam dan Luar Negara	18,144	RM20,279,700.00
	Bantuan Tambang Penerbangan kepada Pelajar IPT	53	RM86,260.88
	Jumlah Keseluruhan	32,511	RM32,416,460.88

SOALAN 3 : Didapati hari ini masih banyak terdapat projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri yang gagal di siapkan mengikut tempoh tertentu atau terbengkalai sejak sekian lama di Daerah Hulu Terengganu. Sila senaraikan projek-projek tersebut, nyatakan punca-puncanya dan tindakan yang telah dan akan di ambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan perkara ini?

JAWAPAN : Didapati hari ini masih banyak terdapat projek-projek pembangunan Kerajaan yang gagal disiapkan mengikut tempoh tertentu atau terbengkalai sejak sekian lama di daerah Hulu Terengganu. Sila senaraikan projek-projek tersebut, nyatakan punca-punca dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini.

BIL	PROJEK	PUNCA	TINDAKAN TELAH DIAMBIL	PERANCANGAN
1	MASJID TANJUNG PUTAT Pihak Kontraktor telah mengemukakan surat permohonan penamatan bersama (<i>Mutual Termination</i>) pada 17 November 2024 yang lalu.	- Kelemahan pengurusan projek oleh pihak kontraktor. - Kenaikan harga barang ditapak memandangkan tempoh	Kontraktor diberi lanjutan masa berdasarkan syarat-syarat dan klausa yang dibenarkan.	Projek akan ditender semula berdasarkan keputusan MMKN dengan tambahan peruntukan untuk menyiapkan baki kerja di tapak bina.

	<p>Permohonan ini dibuat atas faktor kelewatan menerima bayaran serta kesan kenaikan harga bahan binaan. Pihak JKR telah menghantar laporan ke Jawatankuasa Tuntutan Negeri pada 3 Jun 2025 bagi halatuju projek tersebut.</p>	<p>pembinaan telah lama.</p>		
2	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN REKA DAN BINA BAGI KERJA-KERJA PENAMBAKAN TANAH,INFRASTRUKTUR,DEWAN SERBAGUNA DAN 4 UNIT RUMAH KEDAI DI KG.MENERONG,AJIL, HULU TERENGGANU, TERENGGANU (MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI)</p> <p>Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Kali-11 Tahun 2025 bertarikh 26 Mac 2025 telah bersetuju untuk</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelemahan pengurusan projek oleh pihak kontraktor. - Kenaikan harga barang ditapak memandangkan tempoh pembinaan telah lama. 	<p>Kontraktor diberi lanjutan masa berdasarkan syarat-syarat dan klausa yang dibenarkan.</p>	<p>Projek akan ditender semula berdasarkan keputusan MMKN dengan tambahan peruntukan untuk menyiapkan baki kerja di tapak bina.</p>

	<p>menyiapkan kerja-kerja terbengkalai dengan kos tambahan.</p> <p>Pihak Kontraktor telah mengemukakan surat permohonan penamatan bersama (<i>Mutual Termination</i>) pada 17 November 2024 yang lalu. Permohonan ini dibuat atas faktor kelewatan menerima bayaran serta kesan kenaikan harga bahan binaan. Pihak JKR telah menghantar laporan ke Jawatankuasa Tuntutan Negeri pada 3 Jun 2025 bagi halatuju projek tersebut.</p>			
<p>CADANGAN PEMBANGUNAN PUSAT KOMERSIAL DAN PERKHIDMATAN DI KAWASAN PERTUMBUHAN BARU KUALA PING, TELEMONG, HULU TERENGGANU, TERENGGANU (MENYIAPKAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelemahan pengurusan projek oleh pihak kontraktor. - Kenaikan harga barang ditapak memandangkan tempoh pembinaan telah lama. 	<p>Kerajaan bersetuju meluluskan untuk menyiapkan kerja-kerja terbengkalai dengan kos tambahan yang telah diputuskan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Projek akan di tender semula berdasarkan keputusan MMKN dengan tambahan peruntukan untuk menyiapkan baki kerja di tapak bina. Projek ini dijangka ditender pada 	

	<p>KERJA-KERJA TERBENGGALAI)</p> <p>Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Kali-11 Tahun 2025 bertarikh 26 Mac 2025 telah bersetuju pelaksanaan projek ini dilaksanakan. Projek tersebut akan ditender pada 4 Disember 2025.</p>			<p>4 Disember 2025.</p> <p>- Kerajaan bersetuju menyerahkan kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) setelah siap projek.</p>
--	--	--	--	--

SOALAN 4 : Semenjak tahun 1974-2024 adalah didapati tiada berlakunya pembinaan perumahan mampu milik atau perumahan rakyat dilaksanakan di dalam DUN Telemung. Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam perkara ini pada tahun 2025 dan seterusnya?

JAWAPAN : Perancangan Kerajaan Negeri pada tahun 2025 dan seterusnya ialah dengan membina rumah mampu milik di kawasan yang sesuai dan berpotensi. Kerajaan Negeri melalui Pejabat SUK (Bahagian Perumahan) sedang mengenalpasti satu kawasan untuk dijadikan sebagai projek perumahan mampu milik diatas tanah kerajaan berkeluasan 8 hektar iaitu di atas sebahagian lot 3400, Kampung Kuala Jenderis, Mukim Hulu Telemong, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu.

Kajian terperinci akan dibuat dalam tempoh enam (6) bulan iaitu merangkumi keperluan penduduk, siasatan tapak, kesesuaian aspek teknikal dan kewangan projek. Sekiranya sesuai, permohonan bagi pelaksanaan projek tersebut akan dibuat melalui peruntukan berikut:-

- i. Peruntukan Kerajaan Negeri;
- ii. Peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas RMKe-13; atau
- iii. Usahasama dengan pihak pemaju swasta.

Cadangan projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 100 unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang terdiri daripada dua kategori utama, iaitu:

- i. Rumah Teres RMM Jenis A
- ii. Rumah Teres RMM Jenis B
- iii. Program Pemajuan Kawasan (PPK)- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- iv. Program Residensi Rakyat (PRR) – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SOALAN 5 : Terengganu Incorporated Sdn.Bhd dan TNB Genco dijangka akan membangunkan ladang solar terapung di Tasik Kenyir yang dijangkakan menjana lebih 2,000 megawatt(MW) tenaga elektrik. Sila nyatakan faedah dan sumbangan bakal dinikmati rakyat setempat hasil daripada pembangunan ini?

JAWAPAN : Pembangunan ladang solar terapung di Tasik Kenyir merupakan langkah strategik ke arah menyokong misi negara mencapai sasaran sifar karbon menjelang 2050.. Projek berkapasiti 2,000MW ini akan dibangunkan dalam tiga (3) fasa ini dijangka membawa pelbagai faedah kepada rakyat setempat, dari sudut ekonomi, alam sekitar dan juga peluang pekerjaan.

- i. Peluang pekerjaan semasa fasa pembinaan

Bagi keseluruhan tiga (3) fasa pembinaan kelak, dianggarkan akan membuka peluang pekerjaan kepada 4,000 pekerja secara langsung terutamanya bagi kerja-kerja pemasangan solar dan pembinaan infrastruktur solar terapung seperti pencawang masuk utama (PMU) serta talian cable penghantaran ("transmission line") . Manakala fasa operasi pula melibatkan lebih dari 100 pekerjaan tetap apabila ianya beroperasi sepenuhnya.

- ii. Peluang kepada kontraktor tempatan yang berkecayaan

Sebanyak 15% dari keseluruhan nilai kontrak yang melibatkan kerja-kerja pemasangan panel solar, pembinaan infrastruktur solar terapung seperti pencawang masuk utama (PMU) serta talian cable penghantaran ("transmission line") dan sebagainya akan dibuka dan diberikan kepada kontraktor-kontraktor Terengganu yang berkecayaan.

iii. Rangsangan kepada ekonomi setempat

Rangsangan kepada ekonomi setempat melalui peningkatan perniagaan seperti pasaraya, kedai makan, kedai runcit dan perkhidmatan harian yang lain seperti "homestay", hotel dan sebagainya

iv. Tarikan baru pelancongan di Tasik Kenyir

Berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong yang melawat Tasik Kenyir apabila siap kelak. Keunikan projek solar terapung yang direka dengan ciri-ciri astetik melambangkan ikon negeri Terengganu bakal menjadi mercu tanda dan tarikan eko-pelancongan baru di Tasik Kenyir.

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 07 JULAI 2025**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Lr. HAJI ZAHARUDDIN BIN ZAHID
ADUN BUKIT TUNGGAL**

SOALAN 1 : Adakah Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut yang sedang dijalankan sekarang ini akan dapat menyelesaikan masalah keluar masuk bot-bot nelayan terutamanya dengan adanya beting pasir di sekitar Jambatan Kuala Besut?

JAWAPAN : Ya, pelaksanaan projek ini akan membolehkan para nelayan melaksanakan aktiviti perikanan dengan laluan navigasi yang lebih selamat dan terjamin, sekali gus menggalakkan perkembangan aktiviti ekonomi dan sosial penduduk tempatan. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut merupakan satu inisiatif yang bertujuan mengatasi masalah pemendapan terutamanya di bahagian muara Sungai Besut, memberikan perlindungan kepada kawasan jeti dan bot daripada ombak, serta mengurangkan masalah hakisan pantai di kawasan pantai utara. Selain itu,

Skop projek ini merangkumi pembinaan benteng pemecah ombak di bahagian utara dan selatan muara sungai dengan panjang masing-masing 1.3 km dan 1.85 km. Selain itu, projek turut melibatkan pembinaan lapis lindung tebing di Kampung Sungai Nail, kerja pendalaman alur laluan bot di muara dan sungai, serta penyuburan pantai di sepanjang pantai utara muara Sungai Besut.

Walau bagaimanapun, pengorekan beting pasir di sekitar Jambatan Kuala Besut adalah di luar skop projek ini. Sebarang cadangan pengambilan pasir yang berdekatan dengan struktur Jambatan Kuala Besut perlu mengambil kira keperluan mendapatkan pandangan teknikal serta pengesahan bertulis daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum sebarang aktiviti dijalankan. Ini kerana jambatan tersebut merupakan struktur kejuruteraan awam yang sensitif dan sebarang aktiviti

berhampiran boleh berisiko menjejaskan kestabilan tanah, aliran sungai, asas cerucuk, serta keselamatan pengguna jalan raya secara keseluruhan. Selain itu, Cadangan tersebut hendaklah mendapat kelulusan dan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sekiranya cadangan aktiviti pengambilan pasir tersebut melibatkan kawasan jajaran projek (Right of Way - R.O.W) projek.

SOALAN 2 : Mohon pihak Kerajaan Negeri nyatakan berapakah bilangan projek perumahan secara penswastaaan yang telah dijalankan bermula Januari 2024 sehingga kini dan berapakah bilangan unit rumah yang akan dapat dibina secara penswastaaan ini ?

JAWAPAN : Bilangan projek perumahan secara penswastaaan yang telah dijalankan bermula Januari 2024 sehingga kini adalah sepertimana berikut:-

BIL	NAMA PROJEK	BILANGAN UNIT	LOKASI
1.	Perumahan Mampu Milik dan Bercampur Di Kampung Tajin, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu. <i><u>Tarikh Pembinaan:</u></i> Tarikh Mula : 5 November 2024 Tarikh Siap : 4 November 2028	i. RMM Jenis B = 44 Unit ii. Rumah Teres Setingkat = 28 unit iii. Rumah Berkembar Setingkat = 16 unit	Hulu Terengganu
2.	Pembangunan Perumahan Mampu Milik Dan Bercampur Di Atas Tanah Kerajaan Di Kawasan Bukit Tebok, Mukim Kuala Dungun, Terengganu. <i><u>Tarikh Pembinaan:</u></i> Tarikh Mula : 1 Januari 2025 Tarikh Siap : 31 Disember 2030	i. Rumah Bandar Jenis A =120 Unit ii. Rumah Teres Jenis B =135 Unit iii. Rumah Teres Jenis C =142 Unit iv. Rumah Link Banglo = 38 Unit v. Rumah Berkembar Jenis E =18 Unit	Dungun

SOALAN 3 : Mohon pihak Kerajaan Negeri nyatakan secara terperinci status terkini berkenaan perancangan pembinaan di sekitar stesen ECRL di seluruh Negeri Terengganu?

JAWAPAN :

1. Pihak UPEN telah mengadakan beberapa siri penyelarasan bersama agensi dan jabatan kerajaan terlibat termasuk melibatkan perancangan pembangunan kawasan sekitar stesen ECRL.
2. Perancangan pembangunan kawasan ini melibatkan 3 fasa utama pembangunan iaitu:
 - a) 1-3 tahun (jangka pendek)
 - b) 3-5 tahun (jangka sederhana)
 - c) Melebihi 5 tahun (jangka panjang)
3. Promosi bagi menarik pelabur dan pemaju berminat untuk terlibat dalam pembangunan kawasan TOD juga turut dibuat oleh agensi-agensi seperti MIDA (*Malaysian Investment Development Authority*).
4. Pihak UPEN juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Malaysia Rail Link (MRL) bagi meneliti peluang kerjasama membangunkan kawasan terlibat.
5. Kawasan-kawasan tanah kerajaan yang terlibat bagi cadangan pembangunan ini telah dikenalpasti oleh Pejabat Daerah dan PBT berkaitan serta cadangan pelan induk kasar telah disediakan oleh pihak PBT.
6. Bagi tahun 2025, lantikan perunding bagi membantu mempercepatkan proses penyediaan maklumat lengkap untuk kerja-kerja tanah yang dijangka dilaksanakan pada 2026 dalam tindakan JKR.
7. Kerja-kerja pembersihan kawasan terlibat secara berfasa akan dimulakan secara serentak bermula 2025

8. Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan secara berkala didalam peruntukan pembangunan negeri bagi tujuan pembangunan *Transit Oriented Development* (TOD) bermula 2025.

SOALAN 4 : Mohon pihak Kerajaan Negeri nyatakan berapakah peningkatan hasil Kerajaan Negeri melalui semua Pejabat Tanah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, setelah kadar baharu bayaran pejabat berkuatkuasa pada 1hb Januari 2025?

JAWAPAN : Kutipan hasil bagi bayaran pejabat (*office fee*) selepas pindaan baharu berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 jumlah kutipan sehingga 15 Jun 2025 adalah **RM14,451,059.80** peningkatan sebanyak **107%** berbanding RM6,967,418.95 yang dikutip pada bulan yang sama pada tahun 2024.

SOALAN 5 : Mohon Kerajaan Negeri nyatakan berapakah bilangan penternak ayam komersial yang menjalankan penternakan secara sistem reban tertutup sehingga Jun 2025?

JAWAPAN : Sehingga Jun 2025, bilangan penternak / ladang ayam komersial yang menjalankan penternakan secara sistem reban ayam tertutup adalah sebanyak 21 ladang.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 07 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH
ADUN KUALA BESUT

SOALAN 1 : Pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri melalui MAIDAM mengenai jumlah penerima bantuan pendidikan zakat bagi tempoh 2015 hingga 2024, mengikut pecahan lokasi pengajian (dalam dan luar negeri), bidang pengajian, serta jumlah peruntukan dan purata bantuan yang diterima oleh setiap pelajar setiap tahun?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

SOALAN 2 : Apakah pencapaian pendapatan terkini NIT mengikut 7 dasar yang telah di tetapkan?

JAWAPAN : Berdasarkan kepada anggaran pendapatan di bawah NIT tahun 2024, kutipan hasil sebenar sehingga **31 Disember 2024** yang dicatatkan adalah sebagaimana yang berikut:

BIL	INISIATIF/STRATEGI	ANGGARAN HASIL 2024 (RM Juta)	HASIL SEBENAR BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (RM Juta)	PENCAPAIAN (Peratusan, %)
1	Kajian Semula Cukai dan Fi	107	51.73	48.3
2	Serahan GLC	5.7	0	0.0
3	Sumber Galian dan Mineral	77.6	9.2	11.9
4	Sumber Batuan (Royalti)	38	0	0.0

5	Sumber Air	56.3	15.91	28.3
6	Sumber Teknologi Hijau	63	0	0.0
7	Fi Pelancongan dan Rekreasi.	15.8	0.08	0.5
8	Pemberian Cukai Pelancongan	7.5	0.64	8.5
	JUMLAH	370.9	77.56	-
	PERATUSAN	-	-	21%

Berdasarkan kepada anggaran hasil di bawah NIT tahun 2025, kutipan hasil sebenar sehingga **15 Jun 2025** dan baki untuk mencapai sasaran adalah sebagaimana yang berikut:

BIL	INISIATIF	ANGGARAN HASIL 2025 (RM Juta)	HASIL SEBENAR BERAKHIR 15 JUN 2025 (RM Juta)	PENCAPAIAN (Peratusan, %)
1	Kajian Semula Cukai	107.00	42.43	39.7
2	Serahan GLC	5.70	0.00	0.0
3	Sumber Galian Mineral	77.6	6.6	8.5
4	Sumber Batuan	0.00	0.00	-
5	Sumber Air	56.30	13.26	23.6
6	Sumber Teknologi Hijau	0.00	0.00	-
7	Fi Pelancongan dan Rekreasi.	15.80	0.07	0.4
	JUMLAH	273.80	62.36	-
	PERATUSAN	-	-	23%

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12.

SOLAN-SOLAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI GHAZALI BIN SULAIMAN
ADUN BUKIT BESI

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tanah runtuh di kawasan bukit termasuk projek tebatan banjir dan pemantauan kawasan berisiko tinggi?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menangani isu tanah runtuh, khususnya di kawasan berbukit dan berisiko tinggi melalui pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi teknikal Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan Projek Tebatan Banjir dengan garis panduan kawalan hakisan

Melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek tebatan banjir yang meliputi pembinaan longkang konkrit, kolam takungan, benteng penahan cerun (retaining wall) Selain itu, pendekatan kawalan pembangunan bagi tujuan mengurangkan impak banjir dengan pematuhan kepada Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) turut dilaksanakan bagi melindungi cerun dan tebing sungai daripada kegagalan struktur atau pengaliran lumpur yang boleh mencetuskan tanah runtuh.

2. Pelaksanaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP)

Setiap projek pembangunan di kawasan berbukit diwajibkan menyediakan dan melaksanakan Erosion and Sediment Control Plan (ESCP) yang diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. ESCP merangkumi pemasangan pagar penapis kelodak (silt fence), kolam perangkap sedimen, empangan kecil (check dam), saluran lencongan, serta penanaman rumput atau penutup tanah. Pemantauan berkala akan dijalankan oleh jurutera tapak bagi memastikan kepatuhan dan keberkesanan pelan tersebut dalam mengawal hakisan serta mengurangkan risiko tanah runtuh. Penggerak projek / pemaju

adalah diwajibkan untuk membina dan menyiapkan semua komponen Amalan Pengurusan Terbaik (Best Management Practices – BMPs) seperti yang digariskan dalam Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP). Kedudukan titik pelepasan (discharge point) dan pelepasan akhir (final discharge) hendaklah diselaraskan mengikut arah aliran ke sungai yang telah diwartakan, dan perlu mematuhi ketetapan kelebaran rezab sungai dan tebing sebagaimana yang dinyatakan dalam Warta Kerajaan Negeri Terengganu Bil. 21, Jil. 63 Tambahan No. 1 1196 bertarikh 14 Oktober 2010 (warta wajib dipatuhi).

3. Pelaksanaan Perancangan Pembinaan Struktur Empangan Sabo

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu telah melaksanakan perancangan pembinaan struktur Empangan Sabo di beberapa lokasi berbukit khususnya di Daerah Hulu Terengganu bagi mengurangkan impak banjir akibat aliran puing dengan peruntukan hampir RM30 juta yang telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

4. Pembaikan Dan Pemantauan Cerun

Syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Pintas Utama Sdn. Bhd. akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemantauan cerun berisiko tinggi di laluan Persekutuan dan Negeri di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR).

SOALAN 2 : Apakah jenis bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri kepada petani yang terjejas akibat serangan haiwan liar seperti gajah atau kera?

JAWAPAN : Jenis bantuan dan sokongan daripada kerajaan kepada petani/pekebun yang terjejas akibat serangan hidupan liar ialah melalui Tabung Bencana Pertanian di bawah Kerajaan Negeri Terengganu dan Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman (BKHT) melalui Jabatan Perhilitan.

SOALAN 3 : Apakah persiapan pada masa kini oleh Kerajaan Negeri bagi menghadapi musim tengkujuh? dan berapakan peruntukkan yang akan disalurkan untuk pengurusan banjir di kawasan-kawasan yang sentiasa mengalami banjir?

JAWAPAN : Antara persiapan Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu bagi menghadapi musim tengkujuh adalah sebagaimana berikut ;

- 1) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan stesen hidrologi iaitu stesen hujan dan stesen aras air bagi memastikan ianya berfungsi dengan sempurna dan data yang dicerap adalah tepat dan boleh dipercayai. Data ini penting untuk meramal dan memberi amaran awal risiko berlakunya banjir dan ianya dipaparkan melalui laman sesawang www.publicinfobanjir.water.gov.my. Melalui laman sesawang ini, status semasa curahan hujan dan aras air sungai utama seluruh Negeri Terengganu akan dipantau secara atas talian semasa musim tengkujuh.
- 2) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan siren amaran banjir bagi memastikan siren amaran banjir yang dipasang dapat berfungsi dengan baik. Siren Amaran Awal Banjir ini berupaya mengesan aras air secara automatik. Terdapat dua jenis bunyi siren utama iaitu Bunyi Siren Amaran dan Bunyi Siren Bahaya. Sistem ini turut dilengkapi sistem pemantauan bersepadu (Real-time Monitoring Telemetry). Bunyi siren ini dapat membantu dan memudahkan penduduk serta agensi penyelamat melaksanakan operasi menyelamatkan dan pemindahan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).
- 3) Memastikan Kamera/ CCTV dipasang di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti berfungsi dengan baik bagi memudahkan pemantauan situasi sebenar di kawasan yang berkenaan serta dapat memberikan hebahan awal kepada penduduk sekitar dan agensi yang berkenaan.
- 4) Melaksanakan Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh Negeri Terengganu. Bagi tahun 2025, peruntukan berjumlah RM2.55 Juta telah diagihkan ke seluruh daerah di Negeri Terengganu. Skop kerja yang terlibat di bawah peruntukan ini adalah kerja pengorekan sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah,

sisanya pepejal, pemotongan rumput, menaiktaraf dan menyelenggara aset/struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.

Pihak Kerajaan Negeri juga sentiasa bersedia siaga secara bersama antara agensi yang terlibat didalam JPBN/JPBD. Jawatankuasa Pengurusan Bencana diarahkan bersedia siaga setiap tahun menjelang MTL Okt-Mac. Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyemak keperluan bantuan persiapan bencana dan Pegawai Daerah akan menyemak keperluan persiapan bencana banjir melalui ketua sektor yang dilantik. Keperluan Pusat Pemindahan Sementara dikenalpasti sama ada memerlukan pembaikan atau tambahan Pusat Pemindahan Sementara baru. Peruntukan tahunan kepada Pegawai Daerah akan disalurkan sebagai persiapan keperluan segera sebelum semasa dan selepas bencana.

SOALAN 4 : Apakah bantuan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada pekebun kecil bagi tanaman kontan yang terjejas akibat bencana alam?

JAWAPAN : Bantuan Bencana Pertanian Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada DUN atau kawasan yang berada di luar bandar dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan kondusif bagi perkembangan perniagaan seperti ruang niaga yang strategik atau pusat pengumpulan produk?

JAWAPAN : Perancangan kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada DUN atau kawasan yang berada di luar bandar dalam penyediaan infrastruktur seperti ruang niaga atau pusat pengumpulan produk adalah sebagaimana berikut:-

1. Bagi Daerah Dungun dan Kemaman, pembangunan kawasan luar bandar di dua daerah ini adalah terletak di bawah seliaan dan tanggungjawab oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) melalui peruntukan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

2. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain termasuklah pembinaan ruang niaga yang strategik seperti arked desa dan kiosk teratur.
3. Penubuhan pusat pengumpulan dan agihan produk bagi membantu usahawan tempatan.
4. Peluang penyertaan dalam ekspo dan karnival jualan.
5. Menaik taraf prasarana seperti jalan, lampu jalan dan kemudahan asas.
6. Salah satu projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah Projek 'Smart Community' iaitu Pembangunan pusat internet dan digital untuk pemasaran dalam talian.
7. Agensi yang menyediakan bantuan perniagaan merangkumi geran dan pinjaman mudah adalah seperti YPU, TEKUN, MARA, SME Corp dan Bank Rakyat bagi tujuan modal pusingan dan pembelian peralatan.
8. Pengembangan premis, program digitalisasi perniagaan, serta akses kepada platform pemasaran seperti e-dagang.
9. Mewujudkan pasar tani, pasar malam, dan pusat jualan produk tempatan di lokasi strategik.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 7 JULAI 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Dr. TENGKU MUHAMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU
MD FAUZI
ADUN SURIA

SOALAN 1 : Apakah status kemudahan sukan di setiap daerah di Terengganu? Berapa banyak fasiliti yang uzur dan memerlukan naik taraf?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kemudahan-kemudahan sukan yang berada di dalam Negeri Terengganu masih digunakan sepenuhnya namun terdapat kerosakan-kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan fasiliti dan faktor cuaca yang memerlukan pembaikan / naiktaraf. Namun begitu, fasiliti-fasiliti ini tetap masih digunakan oleh masyarakat bagi tujuan pelbagai. Jadual di bawah menunjukkan senarai dan status fasiliti sukan yang berada di setiap daerah di dalam Negeri Terengganu.

Kuala Terengganu

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Kuala Terengganu	Padang Bola	Masih Digunakan	15	13
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	29	22
3		Taman Permainan	Masih Digunakan	22	18
4		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	15	12
5		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	2	2

Dungun

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Dungun	Padang Bola	Masih Digunakan	10	8
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	25	20
3		Taman Permainan	Masih Digunakan	18	15
4		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	20	13
5		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	2	2

Kemaman

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Kemaman	Padang Bola	Masih Digunakan	25	5
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	40	28
3		Gelanggang Bola Keranjang	Masih Digunakan	2	1
4		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	22	18
5		Gelanggang Tenis	Masih Digunakan	2	2

Besut

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Besut	Padang Bola	Masih Digunakan	34	29
2		Padang Bola Pantai	Masih Digunakan	4	4
3		Padang Golf	Masih Digunakan	1	0
4		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	18	17
5		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	76	55
6		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	6	6

Hulu Terengganu

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI/ NAIKTARAF
1	Hulu Terengganu	Padang Bola	Masih Digunakan	34	22
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	7	7
3		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	9	8
4		Dewan Serbaguna	Masih Digunakan	12	12

Marang

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Marang	Padang Bola	Masih Digunakan	25	5
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	16	4
3		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	1	0
4		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	14	4
5		Dewan Badminton	Masih Digunakan	2	0

Setiu

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Setiu	Padang Bola	Masih Digunakan	34	4
2		Padang Bola Pantai	Masih Digunakan	2	0
3		Padang Golf (Target)	Masih Digunakan	1	0
4		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	24	17
5		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	29	12
6		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	13	4
7		Gelanggang Tennis	Masih Digunakan	6	3
8		Gelanggang Bola Tampar Pantai	Masih Digunakan	2	0
9		Dewan Badminton	Masih Digunakan	13	3
10		Dewan Ping Pong	Masih Digunakan	1	0

Kuala Nerus

BIL	DAERAH	FASILITI SUKAN	STATUS	JUMLAH	JUMLAH PERLU DIBAIKI / NAIKTARAF
1	Kuala Nerus	Padang Bola	Masih Digunakan	15	13
2		Gelanggang Futsal	Masih Digunakan	29	22
3		Taman Permainan	Masih Digunakan	22	18
4		Gelanggang Sepak Takraw	Masih Digunakan	15	12
5		Gelanggang Bola Tampar	Masih Digunakan	2	2

Kemudahan sukan dibawah seliaan dan kendalian MSNT yang memerlukan penyelenggaraan dan naik taraf di daerah dalam Negeri Terengganu adalah seperti berikut:-

BIL	KEMUDAHAN UTAMA	STATUS
1.	MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU / KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU	
	1. Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA)	-Penyelenggaraan bangunan/ruang yang terbiar -Kebocoran / reput
	2. Padang Hoki KSNT 3. Pusat Latihan Menembak	-Perlu tukar baharu padang turf dan peralatan padang -Penyelenggaraan bangunan yang lama terbiar -Pembaikan ruang menembak -Pembinaan bilik kebal senjata
	1. Stadium Ragbi Tengku Muhammad Ismail	-Lampu limpah perlu dibaiki -Penyelenggaraan padang ragbi -Kerosakan pagar stadium

SOALAN 2 : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan pembangunan sukan komuniti (GRASSROOTS) bagi mencungkil bakat muda terutama di kawasan luar Bandar.

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, Ya, Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai pelan pembangunan sukan komuniti (GRASSROOTS) bagi mencungkil bakat muda terutama di kawasan luar bandar. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu telah pun melaksanakan program – program pembangunan sukan yang berprestasi tinggi di setiap daerah khususnya adalah untuk mencungkil bakat - bakat muda untuk digilap dan bersaing di peringkat yang tertinggi peringkat Kebangsaan melalui penyertaan dalam temasya dwi tahunan iaitu Sukan Malaysia (SUKMA).

Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Tunas Harapan yang melibatkan bakat muda yang berumur 12 tahun ke bawah. Program Bakat yang melibatkan atlet bakat muda yang berumur 13 hingga 17 tahun. Program Pelapis Negeri yang melibatkan atlet bakat remaja yang berumur 18 hingga 21 tahun dan yang terkini adalah Program Pembangunan Sukan Olimpik dan juga Program SUKMA yang melibatkan atlet Elit Negeri yang akan bersaing di temasya SUKMA.

Berikut adalah jumlah peruntukan bayaran guru Kelas Al-Quran Kampung (KQK) pada tahun 2023 :-

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah baik insentif atau bantuan kepada usahawan belia di Terengganu, terutamanya dalam sektor teknologi dan ekonomi digital?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa komited dalam memperkasa golongan usahawan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khususnya di kawasan luar bandar dan kalangan belia, selaras dengan perkembangan teknologi serta keperluan pasaran digital semasa.

Antara perancangan dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri merangkumi aspek berikut:

- 1.1 Pembangunan Keupayaan Usahawan Luar Bandar dan Belia
- 1.2 Peningkatan Infrastruktur Digital
- 1.3 Penyediaan Platform E-Dagang Tempatan dan Hab Digital
- 1.4 Galakan Penggunaan Media Sosial Secara Strategik
- 1.5 Kerjasama Strategik Rentas Agensi